

## BAB II

### KONSEP DAN DASAR AKAD *MUḌĀRABAH*

#### 2.1. Pengenalan

Produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan syariah di Indonesia mestilah melalui beberapa proses hukum yang telah ditetapkan oleh undang-undang Negara dan peraturan-peraturan Bank Sentral Republik Indonesia, sehingga ianya boleh diketengahkan sebagai produk yang sah, sama ada dari aspek hukum muamalah mahupun undang-undang Negara Republik Indonesia. Bermula dengan cadangan suatu produk oleh dewan direksi (majlis pemimpin), kemudian menuju kepada proses kesahihan hukum muamalah yang diajukan oleh pihak Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) kepada Dewan (Majlis) Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) untuk meminta landasan syariah (fatwa), dan berakhir kepada proses kesahihan secara undang-undang yang dikeluarkan oleh Bank Indonesia (BI). Proses ini berlaku apabila produk berkenaan belum ada undang-undang yang mengaturnya.<sup>1</sup>

Produk pengumpulan dana berbentuk tabungan berasaskan hukum syariah di Indonesia telah ditetapkan dalam Undang-Undang nombor 21 tahun 2008 tentang perbankan syariah. Begitu juga telah ditetapkan dalam fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) Nombor 02 Tahun 2000 tentang Tabungan. Dalam undang-undang dan fatwa ini, terdapat penjelasan tentang kesahihan dan kebenaran produk tabungan dengan menggunakan akad *muḌārabah*.

Segala aktiviti yang dijalankan oleh perbankan syariah di Indonesia mesti mengikut seluruh aturan yang telah ditetapkan oleh prinsip syariah. Maksud daripada prinsip syariah yang mesti dipatuhi oleh institusi perbankan syariah di Indonesia telah

---

<sup>1</sup> H. Kanny Hidayat, SE, MA (Timbalan Setiausaha Badan Pelaksana Harian DSN-MUI), dalam temu bual dengan penulis, 29 Mei 2013. DR. H. Hasanudin, M.Ag (Timbalan Setiausaha Badan Pelaksana Harian DSN-MUI), dalam temu bual dengan penulis, 30 Mei 2013.

dijelaskan dalam undang-undang Republik Indonesia nomor 21 tahun 2008 tentang perbankan syariah yang berbunyi<sup>2</sup>: “Prinsip Syariah adalah prinsip hukum Islam dalam kegiatan perbankan berdasarkan [berasaskan] fatwa yang dikeluarkan [diterbitkan] oleh lembaga yang memiliki kewenangan [kelayakan] dalam penetapan fatwa di bidang syariah<sup>3</sup>”, (Bab I, Pasal 1, No 12).

Oleh itu, apabila sesebuah institusi perbankan syariah di Indonesia mahu mengaplikasikan akad *muḍārabah* dalam produk tabungan, maka ia mesti patuh kepada aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh syariah Islam, di mana dalam konteks Indonesia ianya berbentuk kumpulan fatwa yang telah ditetapkan oleh Majelis Ulama Indonesia, jika ada, atau pendapat para fuqaha yang muktabar, jika belum ada fatwa DSN-MUI yang memahaminya.<sup>4</sup> Hal ini supaya tidak menimbulkan keraguan dan kekeliruan dalam menerapkan produk berkenaan.

Dalam bab ini akan didedahkan tentang konsep akad *muḍārabah* dalam perspektif fiqh muamalah. Bermula dari pengertian *muḍārabah*, hukum *muḍārabah* dan landasan hukumnya, rukun *muḍārabah* dan syaratnya, kedudukan *muḍārabah* dalam muamalah kehartaan, jenis-jenis *muḍārabah*, penyelesaian pertikaian dan pembubaran *muḍārabah*. Dalam bab ini juga akan didedahkan tentang hukum *ḍamān* (jaminan risiko kerugian modal) mengikut perspektif fiqh muamalat.

---

<sup>2</sup> Pengkaji mengekalkan dalam bahasa Indonesia yang asal supaya maksudnya tidak lari.

<sup>3</sup> Dalam masa sekarang lembaga yang dimaksudkan iaitu Dewan Pengawas Syariah Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI).

<sup>4</sup> A. Ilyas Ismail (Anggota Dewan Pengawas Syariah (DPS) BPRS HIK Bekasi, Indonesia), dalam temubual dengan penulis, 29 Mei 2013. Hasanudin (Timbalan Setia Usaha Badan Pelaksana Harian DSN-MUI), dalam temu bual dengan penulis, 03 Jun 2013.

## 2.2. Konsep Akad *Muḍārabah* Dalam Fiqh Muamalah Islam

### 2.2.1. Pengenalan Akad *Muḍārabah*

Salah satu cara yang diberikan ajaran Islam untuk mengembangkan harta iaitu menerusi akad *muḍārabah*, di mana akad ini diharuskan kerana keperluan dan hajat manusia kepadanya. Akad *muḍārabah* merupakan suatu cara mengurus perniagaan di mana salah satu pihak yang berkontrak memberikan bekalan modal kepada pihak yang mahir dalam hal urusan perniagaan, supaya dikelola dan dikembangkan, sehingga ianya boleh mendatangkan keuntungan yang akan dibahagikan kepada kedua pihak yang berkontrak, sesuai dengan kesepakatan bersama.

Banyak manfaat yang boleh didapati dalam penerapan kaedah *muḍārabah* antaranya, iaitu memberikan kesempatan kepada orang ramai yang mahir dalam urusan perniagaan, namun ia tidak memiliki bekalan modal untuk menjalankan sesebuah aktiviti perniagaan, maka dengan adanya kaedah *muḍārabah* ianya boleh mendapatkan bekalan modal daripada pihak yang memiliki lebih harta. Kaedah *muḍārabah* yang digunakan dalam mengurus perniagaan juga dapat mengatasi masalah kebekuan harta di tangan pemiliknya. Kebekuan harta ini berlaku disebabkan pemilik yang membiarkan hartanya tanpa ada keterlibatan dalam aktiviti ekonomi. Sehingga berlaku pembaziran fungsi harta yang sepatutnya boleh mendatangkan masalah pada orang ramai.<sup>5</sup>

Oleh itu, dengan menerapkan kaedah *muḍārabah* dalam urusan perniagaan, ianya boleh mendatangkan beberapa manfaat. Maka dengan sendirinya masyarakat dapat mengelakkan perbuatan yang dilarang oleh agama Islam, iaitu pembekuan harta. Sehingga harta kekayaan tidak hanya beredar di kalangan orang kaya sahaja, tetapi juga beredar di kalangan orang sederhana atau orang berpendapatan rendah. Hal ini sesuai dengan kehendak al-Qur'an:

---

<sup>5</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, 2008), xv.

... كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ...

Al-Hashr 59:7

Terjemahan: ... supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu...

### 2.2.2. Pengertian *Muḍārabah*

*Muḍārabah* mempunyai penamaan yang lain<sup>6</sup> seperti *muqāraḍah*, *qirāḍ* dan *mu‘āmalah*<sup>7</sup>, maka untuk memahami lebih dalam segala istilah yang digunakan bagi penamaan *muḍārabah*, penulis akan menjelaskannya dari segi bahasa dan istilah. Secara bahasa, *muḍārabah* diambil dari kata kerja “*ḍaraba*” yang mempunyai beberapa maksud, antaranya, iaitu “*ḍaraba*” ertinya “*sāra wa sāfara*”<sup>8</sup> iaitu berjalan dan bermusafir. Allah berfirman:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ ...

Al-Nisa’ 4:101

Terjemahan: dan apabila kamu bermusafir di muka bumi...

“*ضَرَبْتُمْ*” ertinya “*سَافَرْتُمْ*” maksudnya: bermusafir.

Begitu juga “*ḍaraba*” bererti “*kasaba wa ṭalaba*”<sup>9</sup> iaitu memperoleh dan mencari. Dikatakan: “*Fulān yaḍribu al-majda*” ertinya “*yaksibuhu wa yaṭlubuhu*” maksudnya: memperoleh dan mencari kemuliaan.

<sup>6</sup> Ahli ‘Irāq menamakannya dengan sebutan “*muḍārabah*”, manakala ahli Ḥijāz menamakannya dengan sebutan “*qirāḍ*”. Lihat: Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Qudāmah al-Maqdisī al-Dimashqī al-Ḥanbalī, *Al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī dan ‘Abd al-Fattah al-Ḥulw, ed. ke-3 (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997), 7:133. Al-Shaykh Shams al-Dīn Muḥammad Bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, dicetak bersama al-Imām Abū Zakariyyā Yahyā Bin Sharaf al-Nawawī al-Shāfi‘ī, *Matn Minhāj al-Ṭalībīn* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 2:399.

<sup>7</sup> Al-Imām Abū Zakariyyā Yahyā Bin Sharaf al-Nawawī al-Dimashqī, *Rawḍat al-Ṭalībīn*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Maujūd dan ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003), 4:204. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-‘Irādāt Daqāiq Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, ed. ‘Abd Allāh Bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī (Mu‘assasat al-Risālah, 2000), 3:564.

<sup>8</sup> Ibn Mandhūr, *Lisān al-‘Arab*, ed. ke-6 (Beirut: Dār Ṣādir, 2008), 9:26.

<sup>9</sup> *Ibid.*

*Muqāraḍah* dan *qirāḍ* diambil dari perkataan “*qaraḍa qarḍan*” di mana perkataan *al-qarḍu* juga memiliki beberapa maksud, antaranya “*al-qarḍu*” ertinya sesuatu yang diberikan oleh seseorang atau yang dikerjakan olehnya supaya mendapatkan ganjaran dari apa yang dilakukan olehnya tersebut.<sup>10</sup> “*Al-Qarḍu*” juga boleh bererti “*al-qat‘u*” iaitu pemotongan atau pemisahan,<sup>11</sup> kerana pemilik modal memisahkan sebahagian hartanya untuk diserahkan kepada pengusaha supaya diurusniagakan, dan juga memisahkan sebahagian keuntungannya untuk pengusaha.<sup>12</sup>

Dalam mendefinisikan *muḍārabah*, *muqāraḍah* atau *qirāḍ* secara istilah, para *fuqahā’* telah memberikannya dengan banyak definisi. Mazhab Hanafi mendefinisikan *muḍārabah* sebagaimana yang dipaparkan oleh al-Qodūrī: “*muḍārabah* merupakan akad kongsi untung dengan modal daripada salah satu pihak”.<sup>13</sup> Manakala mazhab Maliki memberikan definisi akad *muḍārabah*, antaranya seperti yang didefinisikan oleh Ibn al-Jallāb: “ia (*qirāḍ*) iaitu seseorang menyerahkan harta kepada selainnya untuk diurusniagakan dan mencari kurnia Allah *ta‘ālā*, serta mengkongsikan keuntungan antara kedua-dua pihak dengan bahagian yang telah disepakati oleh keduanya”.<sup>14</sup>

Mazhab Shafi‘i memberikan definisi *muḍārabah*, seperti yang dikemukakan oleh al-Imām al-Nawawī: “*qirāḍ*, *muqāraḍah* dan *muḍārabah* maksudnya seseorang memberikan harta kepada orang lain untuk diperniagakan di mana keuntungan akan dikongsikan kepada keduanya”.<sup>15</sup> Begitu juga mazhab Hanbali mendefinisikan akad *muḍārabah* hampir mirip dengan apa yang didefinisikan oleh al-Imām al-Nawawī, antaranya apa yang telah dipaparkan oleh Ibn Qudāmah: “ia (*muḍārabah*) iaitu

---

<sup>10</sup> Ibn Mandhūr, *Lisān al-‘Arab*, ed. ke-6 (Beirut: Dār Ṣādir, 2008), 12:71.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:399. Al-Shaykh Maṣṣūr Bin Yūnus Bin Idrīs al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003), 5:1736.

<sup>13</sup> Al-‘Aynī, *Al-Bināyah Fī Syarḥ al-Hidāyah*, 9:57.

<sup>14</sup> Abū al-Qāsim ‘Ubayd Allāh Bin al-Ḥusayn Bin al-Ḥasan Bin al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī‘*, ed. Ḥusayn Bin Sālim al-Dahmānī (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1987), 2:193.

<sup>15</sup> Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:197.

seseorang memberikan hartanya kepada pihak lain untuk diperniagakan di mana keuntungan akan dikongsikan kepada kedua-dua pihak”.<sup>16</sup>

Dari pelbagai definisi mengenai *muḍārabah* yang dipaparkan oleh para *fuqahā'*, maka penulis menyimpulkan bahawa akad *muḍārabah* iaitu akad kongsi antara dua belah pihak atau lebih, di mana salah satu pihak menyerahkan hartanya kepada pihak lain untuk dikelola, dengan perkongsian keuntungan antara keduanya sesuai kesepakatan dan syarat yang disepakati bersama.

### 2.2.3. Hukum *Muḍārabah* Dalam Islam

Akad *muḍārabah* menurut syarak hukumnya harus, para *fuqahā'* telah sepakat tentang hukum keharusan *muḍārabah*, di mana keharusan hukum *muḍārabah* ini sudah menjadi *ijmā'* di kalangan para ulama. *Muḍārabah* merupakan suatu bentuk akad transaksi dalam bermuamalah yang sedia ada sebelum datangnya Islam, yang kemudiannya disahkan oleh ajaran Islam sebagai salah satu akad transaksi dalam mengurus niaga. Sebagaimana yang telah dipaparkan oleh Ibn Rushd: “dan tidak terdapat perselisihan antara umat muslim tentang keharusan akad *qirāḍ* [*muḍārabah*], di mana sebenarnya ia merupakan akad yang sedia ada pada zaman *jāhiliyyah* lalu ajaran Islam menyetujuinya.”<sup>17</sup>

### 2.2.4. Landasan Hukum Akad *Muḍārabah*

Para *fuqahā'* memberikan hujah tentang keharusan akad *muḍārabah* dengan empat sumber hukum utama, iaitu al-Qur'an, hadith, *ijmā'* (kesepakatan seluruh *fuqahā'*) dan *qiyās*. Terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang boleh dijadikan sebagai dalil mengenai

---

<sup>16</sup>Muwaffaq al-Dīn Abū 'Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Qudāmah al-Maqdisī al-Ḥanbalī, *Al-Kāfī*, ed. 'Abd Allāh Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī (Kaherah: Dār Hijr, 1997), 3:341.

<sup>17</sup> Al-Imām al-Qāḍī Abū Al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, ed. 'Abd Allāh Al-'Abādī, dicetak bersama 'Abd Allāh al-'Abādī, *Sharḥ Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid* (Kaherah: Dār al-Salām, 1995), 4:1829.

keharusan hukum akad *muḍārabah*. Namun begitu, tidak terdapat dalam al-Qur'an *naṣṣ* (teks) yang menyentuh secara langsung tentang *muḍārabah*, kecuali ayat-ayat Allah yang menggesa manusia supaya berusaha mencari rezeki, yang dalam istilah al-Qur'an disebut "مِنْ فَضْلِ اللَّهِ" atau "فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ", dan ayat-ayat yang mengharuskan manusia bergiat dalam perniagaan. *Muḍārabah* merupakan satu wasilah atau cara berusaha bagi memenuhi gesaan Allah supaya mencari rezeki kurnianya.<sup>18</sup>

Al-Kāsānī memberikan dalil daripada ayat al-Qur'an, iaitu firman Allah SWT.:

... وَءَاخِرُونَ يَصْرَبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ...

Al-Muzzammil 73:20

Terjemahan: ...dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebagian kurnia Allah...

Di mana maksud dari perkataan "يَصْرَبُونَ فِي الْأَرْضِ" iaitu bermusafir di muka bumi, dan maksud dari perkataan "يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ" iaitu mencari harta yang halal untuk menafkahi keluarga dan dirinya.<sup>19</sup>

Ayat ini membawa makna yang umum, meliputi berbagai-bagai aktiviti manusia dalam mencari rezeki dengan bermusafir termasuk membawa barangan perniagaan milik sendiri, bekerja dengan orang lain untuk mendapatkan upah dan sebagainya. Akad *muḍārabah* termasuk dalam keumuman makna ayat ini.

Al-Imām al-Māwardī menyebutkan ayat 198 dari surah al-baqarah sebagai dalil pensyariatan akad *muḍārabah*, ayat tersebut iaitu:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ...

Al-Baqarah 2:198

<sup>18</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 7.

<sup>19</sup> Al-Imām 'Alā' al-Dīn Abū Bakr Bin Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanāfī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maujūd, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 8:4.

Terjemahan: Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari tuhan kamu...

Di mana *qirāḍ* merupakan perbuatan mencari kurnia dan mengembangkan harta.<sup>20</sup>

Dalam ayat lain Allah berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ...

Al-Jumu‘ah 62:10

Terjemahan: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah,...

Ayat ini menyuruh kita berusaha mencari rezeki selepas menunaikan sembahyang.

*Muḍārabah* salah satu usaha untuk mencari hajat dari limpah kurnia Allah.

Pensyari‘atan *muḍārabah* terangkum dalam firman Allah:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ

تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ...

Al-Baqarah 2:198

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu,...

Ini kerana *muḍārabah* juga salah satu kaedah dalam melaksanakan aktiviti perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kedua-dua pihak yang berkontrak.

Terdapat beberapa hadith yang dijadikan dalil pensyariatan *muḍārabah*, antaranya, iaitu hadith yang dikeluarkan oleh Ibn Mājah daripada Ṣuhayb bahawa Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam* bersabda:

<sup>20</sup> Al-Imām Abū al-Ḥasan ‘Alī Bin Muḥammad Bin Ḥabīb al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. ‘Abd al-Wahhāb Ḥawās (Manṣūrah: Dar al-Wafā’, 1989), 120.



( ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبِرْكَةُ : الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ، وَالْمُقَارَضَةُ، وَأَخْلَاطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ، لِلْبَيْتِ،  
لَا لِلْبَيْعِ ).

Bermaksud: Tiga perkara yang didalamnya terdapat berkat: jualan secara tangguh, *muqāraḍah* (*muḍārabah*), dan mencampurkan gandum dengan sya'ir untuk kegunaan di rumah, bukan untuk jualan.<sup>21</sup>

Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbās *raḍiya Allāh 'anhumā* bahawa dia berkata:

(كان العباس بن عبد المطلب إذا دفع مالاً مضاربة، اشترط على صاحبه أن لا يسلك به بحراً، ولا ينزل به وادياً، ولا يشتري به ذات كبد رطبة، فإن فعل فهو ضامن، فرفع شرطه إلى رسوله الله صلى الله عليه وسلم فلحازه).

Bermaksud: al-'Abbās Bin 'Abd al-Muṭallib ketika menyerahkan modal untuk diurus niaga secara *muḍārabah*, beliau mensyaratkan kepada kawan perkongsiannya untuk tidak melewati lautan, tidak menuruni lembah, tidak membeli haiwan, oleh itu, apabila ia (rakan kongsi) melakukan perkara-perkara ini maka ia mesti menjamin risiko kerugian, syarat tersebut diberitahukan kepada Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* lalu baginda membenarkannya.<sup>22</sup>

Ketika Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* diutus Allah menjadi seorang Rasul, orang ramai masih melakukan perniagaan dengan menggunakan kontrak *muḍārabah*, di mana pada ketika itu Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* tidaklah mengingkari mereka berkontrak dengan kaedah *muḍārabah*. Ini maknanya, Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* telah menyetujui kaedah *muḍārabah*. Penyetujuan Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* terhadap suatu perkara merupakan salah satu bentuk dari jenis hadith (*al-sunnah*), iaitu *Sunnah Taqrīriyyah* (pengakuan).<sup>23</sup>

Para tokoh sahabat Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* telah membenarkan keharusan amalan *muḍārabah*, seperti 'Umar Bin al-Khaṭṭāb, 'Alī Bin Abī Ṭālib, Ibn Mas'ūd dan Ḥakīm Bin Ḥizām *raḍiya Allāh 'anhum*, tanpa ada sahabat lainnya yang

<sup>21</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Shirkah wa Al-Muḍārabah, no. hadith 2289. Lihat: Al-Hāfiz Abū 'Abd Allāh Muḥammad Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunān Ibn Mājah*, ed. Bashshār 'Awwād Ma' ruf (Beirut: Dār al-Jīl, 1998), 3: 605-606.

<sup>22</sup> Hadith riwayat Ibn 'Abbās, Kitāb al-Qirāḍ, no. hadith 11611. Lihat: Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin 'Alī al-Bayhaqī, *Al-Sunān al-Kubrā*, ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Atā, ed. ke-3 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 6: 184.

<sup>23</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:4.

berbeza pendapat dengan mereka, maka hal tersebut merupakan sebuah bentuk *ijma'* (kesepakatan).<sup>24</sup> Sebagaimana juga Ibn Qudāmah dan al-Bahūtī telah meriwayatkan keharusan akad *muḍārabah* secara *ijmā'* daripada Ibn al-Mundhir.<sup>25</sup>

Sebahagian *fuqahā'* memberikan landasan hukum *muḍārabah* dengan menggunakan sumber hukum *qiyās*. Mereka meng*qiyā*skannya dengan *al-musāqāh* (akad perkongsian dalam pertanian), ianya diharuskan kerana keperluan dan hajat manusia kepadanya, di mana pemilik pohon kurma boleh jadi tidak pandai dalam penjagaan dan pemeliharaannya serta tidak memiliki waktu dan tenaga untuknya. Begitu juga orang yang pandai bekerja dalam bidang tersebut, boleh jadi tidak memiliki pohon kurma. Makna ini juga terdapat pada akad *muḍārabah*.<sup>26</sup> Maka diharuskan akad *muḍārabah* kerana hajat dan keperluan manusia kepadanya, sebagaimana hajat dan keperluan manusia kepada *al-musāqāh*.

## **2.2.5. Syarat dan Rukun *Muḍārabah***

### **2.2.5.1. Rukun *Muḍārabah***

Dalam setiap akad yang digunakan untuk berkontrak mestilah memiliki rukun-rukun yang dengannya terbentuk suatu akad. Sesebuah akad akan terwujud apabila terkumpul seluruh rukun-rukunnya, namun sebaliknya sesebuah akad akan rosak apabila tidak terkumpul rukun-rukunnya. *Muḍārabah* merupakan salah satu akad dalam muamalah, oleh itu ianya memerlukan rukun-rukun yang mewujudkannya. Adapun rukun *muḍārabah* adalah pertama, *al-ṣīghah*, iaitu mana-mana lafaz atau perkataan yang menunjukkan kepada berlakunya 'aqad *muḍārabah* yang mengandungi pernyataan *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan). Ia terlaksana dengan penyerahan harta oleh pemilik modal kepada *muḍārib* di mana *muḍārib* dapat bertindak menggunakan modal itu untuk

---

<sup>24</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:341.

<sup>25</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:133. Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 5:1736.

<sup>26</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:399.

diperniagakan. Kadar keuntungan untuk kedua-dua pihak yang berkontrak hendaklah ditentukan sebelum kerja dilaksanakan.<sup>27</sup>

*Ījāb* di sini iaitu lafaz *muḍārabah*, *muqāraḍah* atau *al-mu'āmalah* atau segala lafaz yang mengandungi makna ini. Seperti ucapan pemodal “ambillah wang ini untuk diurusniagakan dengan akad *muḍārabah* di mana segala rezeki berupa untung yang Allah ‘azza wa jallā berikan menerusi akad ini maka dikongsikan di antara kita dengan kadar ketentuan  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{3}$ , atau kadar ketentuan yang mudah diketahui dengan cara lainnya. Kemudian pengusaha mengucapkan *qabūl* iaitu lafaz *qabiltu* (saya terima), *raḍītu* (saya reda) atau lafaz lainnya yang semakna dengannya, sebagaimana dalam kaedah fikah “*al-‘ibrah fī al-‘uqūd bi al-ma‘nā lā bi al-alfāz*” maksudnya, yang penting dalam segala transaksi adalah maknanya, bukan ucapannya.<sup>28</sup>

Rukun kedua, *al-‘āqidāni* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*), iaitu pemilik modal dan pengusaha yang melakukan akad perkongsian secara *muḍārabah*, di mana pemodal menyumbangkan hartanya, sedangkan pengusaha menyumbangkan tenaganya. Ketiga, *ra’s al-māl* (modal) iaitu objek daripada usaha yang akan dijalankan. Keempat, *al-‘amal* (kerja), iaitu suatu di mana dengannya pengusaha mengembangkan modal *muḍārabah*. Kelima, *al-ribḥ* (untung), iaitu bahagian yang diketahui bersama di mana ianya merupakan lebihan daripada modal yang diperoleh daripada usaha *muḍārib*. Pembahagian jumlah rukun *muḍārabah* kepada lima bahagian tadi merupakan pendapat majoriti *fuqahā’*, manakala *fuqahā’* mazhab Hanafi menyatakan bahawa rukun

---

<sup>27</sup> Ibn Nujaym al-Maṣrī al-Ḥanāfī, *Al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, ed. al-Shaykh Zakariyyā ‘Umayrāt (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 7:448. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 35.

<sup>28</sup> Al-Kāsānī, *Badā’i ‘al-Ṣanā’i’*, 8:5-6. Lihat juga: ‘Abd Allāh Bin Ḥamd al-‘Uthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Sharīah al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah Bayna al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, ed. Ṭāriq Bin Muḥammad al-Khuwayṭir (Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyyā, 2006), 138.

*muḍārabah* iaitu hanya *al-ijāb* dan *al-qabūl* sahaja, di mana selainnya adalah syarat-syarat *muḍārabah*, bukan rukun-rukun *muḍārabah*.<sup>29</sup>

### 2.2.5.2. Syarat *Muḍārabah*

Syarat yang bermaksud di sini iaitu syarat yang mesti ada pada setiap rukun-rukun *muḍārabah* supaya menjadikan akad *muḍārabah* menjadi akad yang sah. Dalam syarat-syarat ini tidak semuanya para ulama menyepakatinya, maka untuk lebih memudahkan dalam memahami syarat-syarat ini, penulis akan membahagikannya kepada dua bahagian:

#### 2.2.5.2.1. Syarat- syarat yang disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab:<sup>30</sup>

Apabila *al-ṣiġhah* pada akad *muḍārabah* tidak dibuat secara bertempoh (*muaqqatah*)<sup>31</sup>, tidak dibuat secara tergantung (*mu'allaqah*)<sup>32</sup> dan tidak berkuat kuasa pada masa hadapan (*muḍāfah ilā zamān fī al-mustaqbal*)<sup>33</sup> maka akad *muḍārabah* tersebut dihukumi sah mengikut kesepakatan para *fuqahā'*.<sup>34</sup> Namun sebaliknya, apabila akad *muḍārabah* dibuat secara bertempoh, dibuat secara tergantung, dan berkuat kuasa pada masa hadapan, maka para *fuqahā'* berselisih mengenai keharusannya.

<sup>29</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:5&9.

<sup>30</sup> Zayd Bin Muḥammad al-Rummānī, *'Aqd al-Muḍārabah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Athāruhu 'Alā al-Maṣārif wa Buyūt al-Tamwīl al-Islāmiyyah* (Riyadh: Dār al-Ṣamī'i, 2000), 55.

<sup>31</sup> Maksud daripada *muḍārabah* secara bertempoh disini iaitu menghadkan tempoh kerja di mana pengusaha dilarang mengurus niaga selepas tempoh tersebut. Seperti ucapan pemodal kepada pengusaha: "gunakanlah harta ini untuk dikelola secara *muḍārabah* dengan tempoh waktu satu tahun".

<sup>32</sup> Maksud daripada *muḍārabah* secara tergantung disini iaitu mengkaitkan penyerahan harta sebagai modal *muḍārabah* dengan sesuatu yang akan terjadi pada masa hadapan walaupun ianya masih belum pasti lagi. Contoh akad *muḍārabah* yang dibuat secara tergantung seperti perkataan pemodal kepada pengusaha: apabila kamu bermusafir maka ambillah RM 1000 sebagai modal *muḍārabah* dan keuntungannya dibahagi dua antara kita. Lihat: 'Abd Allāh Bin Ḥamd al-'Uthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Sharīah al-Islāmiyyah*, 139.

<sup>33</sup> Contoh akad *muḍārabah* yang berkuat kuasa pada masa hadapan seperti pemodal menyerahkan wang kepada pengusaha sebanyak RM 1000 sebagai modal *muḍārabah* dan keuntungannya dibahagi dua dan operasi perniagaannya bermula awal tahun depan. Lihat: Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 36.

<sup>34</sup> 'Abd Allāh Bin Ḥamd al-'Uthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Sharīah al-Islāmiyyah*, 138.

Syarat yang dikenakan ke atas para pihak yang berkontrak dalam akad *muḍārabah* (*al-‘āqidān*), iaitu pemilik modal mesti berkeahlian dalam melantik wakil<sup>35</sup>. Manakala syarat yang dikenakan ke atas pengusaha (*muḍārib*) adalah berkeahlian dalam *bartaṣarruf* iaitu seorang yang layak dalam kira bicara (berkontrak) dan layak menjadi wakil.<sup>36</sup> Syarat yang dikenakan ke atas pemodal dan pengusaha yang telah ditetapkan oleh para ulama berhubungkait dengan syarat yang ditetapkan ke atas *muwakkil* dan *wakīl*.<sup>37</sup> Oleh itu, sebahagian ulama merujuk pemaparan mengenai syarat ke atas pemilik modal (*rabb al-māl*) kepada perbincangan *wakīl* dan *muwakkil* dalam *bāb al-wakālah*.

Dalam syarat *ra’s al-māl* (modal), para *fuqahā’* telah bersepakat mengenai keharusan modal *muḍārabah* berupa mata wang dinar (emas) dan dirham (perak) sebenar yang belum dicampur.<sup>38</sup> Modal yang digunakan untuk mengurus niaga mesti jelas, iaitu ianya diketahui dari segi jenis, kadar dan sifat.<sup>39</sup> Para *fuqahā’* juga bersepakat bahawa modal *muḍārabah* mestilah berbentuk tunai, bukan berbentuk hutang.<sup>40</sup> Ianya juga mesti diserahkan kepada *muḍārib*,<sup>41</sup> supaya pihak *muḍārib* berkuasa dalam mengelola harta tanpa pengikutsertaan pihak *ṣāhib al-māl*.<sup>42</sup>

<sup>35</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 2:404. Al-Imām al-Kāsānī al-Ḥanāfī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:9.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Bahkan dalam buku *Fatḥ al-Mu’īn li Sharḥ Qurrat al-‘Ayni Bi Muḥimmāt al-Dīn* perbincangan *wakālah* dan *Qirād* (*muḍārabah*) disatukan dalam satu bab. Sila rujuk: Abū Bakr ‘Uthmān Bin Muḥammad Shaṭṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī, *Ḥāshiyah I’ānat al-Ṭālibīn ‘Alā Ḥalli Alfāz Fatḥ al-Mu’īn li Sharḥ Qurrat al-‘Ayni Bi Muḥimmāt al-Dīn*, ed. Muḥammad Sālim Hāshim (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 3:144.

<sup>38</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1829. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī’*, 2:194. Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 131. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:197. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 2:399. Al-‘Aynī, *Al-Bināyah Fī Sharḥ al-Hidāyah*, 9:57. Al-Imām al-Kāsānī al-Ḥanāfī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:10.

<sup>39</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 131. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:198. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:183. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 2:400. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:15. Ibn Nujaym al-Maṣrī al-Ḥanāfī, *Al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, 7:449.

<sup>40</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 134. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1832-1833. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:15.

<sup>41</sup> Burhān al-Dīn Abū Bakr ‘Alī Bin Abī Bakr Bin ‘Abd al-Jalīl al-Rushdanī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, ed. 2, dicetak bersama Abū Muḥammad Maḥmūd Bin Aḥmad al-‘Aynī, *Al-Bināyah Fī Sharḥ al-Hidāyah*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 9:62. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:199. Al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 8:21. Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, 7:449.

<sup>42</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 2:400.

Syarat *al-ribh* (untung) yang disepakati para *fuqahā'* adalah kadar bahagian masing-masing dalam keuntungan hendaklah diketahui.<sup>43</sup> Hendaklah agihan itu diambil daripada bahagian harta keuntungan, bukan daripada harta modal,<sup>44</sup> dan dengan penentuan kadar yang dimaklumi bersama dengan cara yang mudah, seperti ½ atau 1/3, bukan berupa suatu jumlah wang yang ditentukan, seperti RM 10000.<sup>45</sup>

#### 2.2.5.2.2. Syarat-syarat dan perkara-perkara yang diperselisihkan oleh para *fuqahā'* empat mazhab dalam rukun *muḍārabah*<sup>46</sup>

Syarat-syarat yang terdapat dalam rukun *muḍārabah* tidaklah semuanya disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab, kerana di dalamnya masih terdapat beberapa perkara yang diperselisihkan oleh mereka.

##### 1. Syarat *al-ṣīghah*

Terdapat perselisihan di antara para *fuqahā'* dalam beberapa hal yang berkaitan dengan syarat *al-ṣīghah*, antaranya, *al-ṣīghah* pada akad *muḍārabah* secara bertempoh (*muaqqatah*). Menurut mazhab Hanafi<sup>47</sup> dan mazhab Hanbali hukumnya harus,<sup>48</sup> mereka mengqiyaskan *muḍārabah* dengan *wakālah muaqqatah*, di mana seorang wakil mesti berhenti dari tugas yang diamanahkan kepadanya setelah habis tempoh masanya, ini juga berlaku bagi seorang *muḍārib*. Manakala mazhab Maliki dan Shafi'i tidak membenarkannya, kerana akad *muḍārabah* termasuk kategori *al-'uqūd al-jā'izah* bukan *al-'uqūd al-lāzimah*, di mana akad yang termasuk kategori *al-'uqūd al-jā'izah* akan

<sup>43</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad Bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, ed. Sa'īd A'rāb (Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1994), 6:38. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:203. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:138. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:23.

<sup>44</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:353. Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:449. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Īrādāt*, 3:577.

<sup>45</sup> *Ibid.* Burhān al-Dīn Abū Bakr 'Alī Bin Abī Bakr Bin 'Abd al-Jalīl al-Rushdanī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, 9:59. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:341-342. Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:449. Lihat juga: Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 25.

<sup>46</sup> Zayd Bin Muḥammad al-Rummānī, *Aqd al-Muḍārabah fī al-Fiḥ al-Islāmīwa Atharuhu*, 56.

<sup>47</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:53. Al-'Aynī, *Al-Bināyah Fī Syarḥ al-Hidāyah*, 9:73-74.

<sup>48</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:177-178. Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 5:1740. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:344. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Īrādāt*, 3:569.

terbatal disebabkan adanya pensyaratan tempoh masa, sebagaimana yang berlaku pada akad syarikat.<sup>49</sup> Mereka juga mengqiyāskan *muḍārabah* dengan *bayʿ* (jual beli), di mana akad jual beli tidak dibenarkan secara bertempoh, begitu juga akad *muḍārabah*.<sup>50</sup>

Para *fuqahāʾ* juga berselisih mengenai *al-ṣīghah* pada akad *muḍārabah* secara tergantung (*muʿallaqah*). Para pengikut mazhab Hanafi<sup>51</sup> dan Hanbali<sup>52</sup> membenarkan akad *muḍārabah* secara tergantung, kerana *muḍārabah* merupakan satu bentuk keizinan dalam bertransaksi, maka ianya diharuskan secara tergantung, sebagaimana yang berlaku pada akad *wakālah*. Manakala pengikut mazhab Maliki<sup>53</sup> dan Shafiʿi<sup>54</sup> tidak membenarkannya.<sup>55</sup> Mereka mengqiyāskan *muḍārabah* dengan *bayʿ* (jual beli), di mana akad jual beli tidak dibenarkan secara tergantung, begitu juga akad *muḍārabah*.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai akad *muḍārabah* secara bertempoh (*muaqqatah*) dan akad *muḍārabah* secara tergantung (*muʿallaqah*), tetapi majoriti *fuqahāʾ* Sunni (Ahli Sunnah) selain daripada mazhab Hanbali mengakui bahawa *muḍārabah* adalah suatu *rukḥṣah* yang disyariatkan kerana keperluan manusia kepadanya.<sup>56</sup> Menurut penulis, pendapat yang mengharuskan *muḍārabah* sedemikian yang menggambarkan keinginan kedua-dua belah pihak yang berkontrak adalah pendapat yang kuat (*rājih*), kerana melalui penerimaan kontrak jenis ini, ianya boleh mendatangkan *maṣlahah* kedua-dua belah pihak atau salah satu daripadanya. Larangan

---

<sup>49</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. ʿAbd al-Wahhāb Ḥawās, 145-147. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:202. Al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, 6:36. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafriʿ*, 2:194. Abū al-Ḥasan ʿAlī Bin ʿAbd al-Salām al-Tusūlī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*, dicetak bersama al-Imām Abū ʿAbd Allāh Muḥammad Bin Muḥammad al-Tāwudī, *Ḥulā al-Muʿāṣim li Fikr Ibn ʿĀsim: Sharḥ Arjūzah Tuḥfat al-Hukkām*, ed. Muḥammad ʿAbd al-Qādir Shāhīn (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1998), 2:358.

<sup>50</sup> Al-Imām Abū Muḥammad al-Ḥusayn Bin Masʿūd Bin Muḥammad Bin al-Farrāʾ al-Baghawī, *Al-Tahdhīb fī Fiqh al-Imām al-Shāfiʿī*, ed. ʿĀdil Aḥmad ʿAbd al-Mawjūd dan ʿAlī Muḥammad Muʿawwad (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1997), 4:383.

<sup>51</sup> ʿAbd Allāh Bin Ḥamd al-ʿUthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Shariʿah al-Islāmiyyah*, 139.

<sup>52</sup> Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qināʾ*, 5:1740. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:570.

<sup>53</sup> Al-Tusūlī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*, 2:358.

<sup>54</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. ʿAbd al-Wahhāb Ḥawās, 147-148. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:202. Al-Baghawī, *Al-Tahdhīb fī Fiqh al-Imām al-Shāfiʿī*, 4:384. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:402.

<sup>55</sup> ʿAbd Allāh Bin Ḥamd al-ʿUthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Shariʿah al-Islāmiyyah*, 139-140.

<sup>56</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 38.

ke atas kontrak yang sedemikian boleh menyulitkan dan menyusahkan manusia serta tidak seiring dengan *rukḥṣah* yang disyariatkan untuk memenuhi hajat manusia.

## 2. Syarat Pemilik Modal (*Ṣāhib al-Māl*)

Dalam memberikan syarat kepada pihak yang boleh menjadi *ṣāhib al-māl*, sebahagian *fuqahā'* merujuk pensyaratannya kepada perbahasan *al-muwakkil* pada bab *al-wakālah*. Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-muwakkil* berlaku juga bagi *ṣāhib al-māl*. Al-Sharbīnī dari kalangan *fuqahā'* bermazhab Shafi'i berpendapat bahawa kanak-kanak tidaklah dibenarkan untuk melakukan akad *muḍārabah* dengan hartanya kerana mereka tidak berkeahlian untuk melantik wakil.<sup>57</sup> Manakala al-Kāsānī seorang ahli fiqh bermazhab Hanafi<sup>58</sup> berpendapat bahawa kanak-kanak yang belum baligh tapi berakal, sah baginya melakukan akad *muḍārabah* dengan hartanya. Ini kerana menurut mazhab Hanafi *al-bulūgh* bukanlah syarat sah daripada *al-wakālah*.

## 3. Syarat Pengusaha (*Muḍārib*)

Para *fuqahā'* bermazhab Shafi'i tidak membenarkan kanak-kanak menjadi seorang *muḍārib*, kerana mereka tiada keahlian untuk menjadi seorang wakil.<sup>59</sup> Manakala Mazhab Hanafi<sup>60</sup> mengharuskan kanak-kanak yang belum baligh tapi berakal untuk melakukan kontrak *muḍārabah*. Ini kerana menurut mazhab Hanafi *al-bulūgh* bukanlah syarat sah daripada *al-wakālah*. Dalam memberikan syarat kepada pihak yang boleh menjadi *muḍārib*, sebahagian *fuqahā'* merujuk pensyaratannya kepada perbahasan *al-wakīl* pada bab *al-wakālah*. Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-wakīl* berlaku juga bagi *muḍārib*.

<sup>57</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:404.

<sup>58</sup> Al-Kāsānī, *Badā'ī al-Ṣanā'ī*, 7:427.

<sup>59</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:404. Abū Bakr 'Uthmān Bin Muḥammad Shaṭṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī, *Hāshiyah I'ānat al-Ṭālibīn 'Alā Ḥalli Alfāz Fath al-Mu'īn*, 3:144.

<sup>60</sup> Al-Kāsānī, *Badā'ī al-Ṣanā'ī*, 7:428.



#### 4. Syarat *Ra's al-Māl* (Modal)

Para *fuqahā'* berselisih mengenai keharusan modal *muḍārabah* berupa wang semasa (*fulūs*), di mana majoriti *fuqahā'* klasik tidak membenarkannya.<sup>61</sup> Manakala Ibn al-Qāsim al-Mālikī merajihkan bahawa modal *muḍārabah* berupa wang semasa (*fulūs*) hukumnya harus tapi makrūh.<sup>62</sup> Sedangkan mengikut pendapat yang dipilih oleh Al-'Allāmah Ibn 'Abdūs al-Ḥanbalī dan dirajihkan oleh Ashhab al-Mālikī serta pendapat Muḥammad Bin al-Ḥasan<sup>63</sup> dan pendapat majoriti *fuqahā'* semasa bahawa modal *muḍārabah* berupa wang semasa (*fulūs*) hukumnya harus secara mutlak.<sup>64</sup>

Para *fuqahā'* juga berselisih mengenai keharusan modal *muḍārabah* berupa barangan (*al-'urūḍ*), di mana majoriti *fuqahā'* tidak membenarkannya.<sup>65</sup> Manakala Ibn Abi Laylā telah membenarkannya. Hujah majoriti *fuqahā'*, apabila modal berupa barangan maka terdapat *gharār*, kerana pada ketika pengusaha menerima modal yang berupa barangan ini, nilainya setara dengan nilai sesebuah benda tertentu, namun ketika pengusaha mengembalikan modal yang berupa barangan tersebut, nilainya setara dengan nilai sesebuah benda lainnya, bukan benda yang awal tadi, yakni nilainya berubah dan tidak lagi setara dengan benda yang awal tadi. Maka terjadilah ketidakjelasan pada kadar nilai modal dan keuntungan.<sup>66</sup>

---

<sup>61</sup> Al-Imām Mālik Bin Anas al-Aṣḥabī, *Al-Mudawwanah al-Kubrā: Riwayat al-Imām Saḥnūn Bin Sa'id al-Tanūkhī 'an al-Imām 'Abd al-Raḥmān Bin Qāsim*, dicetak bersama Abū al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtaḍathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3:629. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:197. Al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:400. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:552. Al-Shaykh Abū al-Barakāt Sayyidī Aḥmad al-Dardīr al-'Adawī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, dicetak bersama Muḥammad Bin Aḥmad 'Arafah al-Dusūqī al-Mālikī, *Hāshiyat al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 5:282. (Lihat juga: Ayman 'Abd al-Ḥamīd al-Badārayn, "Al-Muḍārabah bi al-Aḥmān al-Mu'āṣarah; Fulūs: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah," *Majallat al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah: Silsilat al-Dirāsāt al-Insāniyyah*, Vol. 2 Jil. 18, 337-361 (Jun 2010), 337 & 345.

<sup>62</sup> Al-Imām Mālik, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, 3:629. Namun, menurut riwayat Ibn Rushd bahawa Ibn al-Qāsim tidak membenarkan modal *muḍārabah* berupa wang (*fulūs*). Lihat: Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1832.

<sup>63</sup> Al-'Aynī, *Al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, 9:57. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:15.

<sup>64</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1832. Ayman 'Abd al-Ḥamīd al-Badārayn, "Al-Muḍārabah bi al-Aḥmān al-Mu'āṣarah; Fulūs," 343 & 344.

<sup>65</sup> Al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:399-400. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:10. Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 5:1727. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafri'*, 2:194. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:552.

<sup>66</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1831.

*Fuqahā'* Hanafi<sup>67</sup> dan Maliki<sup>68</sup> membenarkan *muḍārib* bermusafir dengan harta *muḍārabah*. Mereka berhujah bahawa lafaz *muḍārabah* sendirinya sudah memberikan dalil tentang keharusan *muḍārib* bermusafir dengan membawa harta *muḍārabah*, kerana lafaz *muḍārabah* berasal daripada *al-ḍarb fī al-arḍi* yang bererti perjalanan. Manakala *fuqahā'* Shafi'i tidak membenarkan harta *muḍārabah* dibawa bermusafir kecuali dengan keizinan daripada pemilik modal.<sup>69</sup> Begitu juga salah satu daripada dua pandangan mazhab Hanbali. Mereka memberikan hujah dengan sebuah hadith:

إِنَّ الْمَسَافِرَ وَمَالَهُ عَلَى قَلْتٍ إِلَّا مَا وَفَى اللَّهُ

Bermaksud: Sesungguhnya musafir dan hartanya berada dalam risiko/kemusnahan kecuali yang Allah berikan perlindungan.

Seorang *muḍārib* dilarang melakukan sesuatu yang boleh merugikan modal dengan mendatangkan sesebuah risiko, antaranya bermusafir dengan membawa modal *muḍārabah*.<sup>70</sup>

Menurut mazhab Hanbali dan mazhab Shafi'i dalam riwayat yang *aẓhar*, bahawa perbelanjaan hidup *muḍārib* semasa ia menjalankan perniagaan berkenaan adalah tanggungannya sendiri, sama ada semasa bermukim atau bermusafir, kecuali mendapat persetujuan yang jelas daripada pemilik modal, yang menyatakan bahawa perbelanjaan hidup *muḍārib* diambil dari harta *muḍārabah*, atau *muḍārib* mensyaratkan perbelanjaan hidupnya ditanggung oleh harta *muḍārabah* sama ada ia dalam keadaan berpergian atau tidak dalam berpergian.<sup>71</sup> Manakala majoriti *fuqahā'* hanya

<sup>67</sup> Al-'Aynī, *Al-Bināyah fī Syarh al-Hidāyah*, 9:65-66. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:31-32.

<sup>68</sup> Abū al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtadathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, dicetak bersama al-Imām Mālik Bin Anas al-Aṣḥabī, *Al-Mudawwanah al-Kubrā: Riwayat al-Imām Saḥnūn Bin Sa'īd al-Tanūkhī 'an al-Imām 'Abd al-Raḥmān Bin Qāsim* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3:654. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, 2:194.

<sup>69</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm Bin 'Alī Bin Yūsuf al-Fayrūzābādī al-Shīrāzī, *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*, dicetak bersama Muḥammad Bin Aḥmad Bin Baṭāl al-Rukbī, *Al-Nuẓum al-Musta'dhib fī Sharḥ Gharīb al-Muhadhdhab* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādūh, 1976, cet. ke-2), 1:508.

<sup>70</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. 'Abd al-Waḥḥāb Ḥawās, 168-169. Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī, *Al-Mughnī*, 7:148.

<sup>71</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:351. Abū Ishāq al-Shīrāzī, *Al-Muhadhdhab*, 1:508. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:409. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1840. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:575.

membenarkan *muḍārib* mensyaratkan perbelanjaan hidupnya ditanggung oleh harta *muḍārabah* semasa bermusafir sahaja, berupa makanan dan pakaian, dan tidak membenarkannya dalam keadaan bermukim (*fī al-ḥaḍar*),<sup>72</sup> ini serupa dengan pendapat al-Imām Mālik, al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Thawrī sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Rushd. Al-Imām Thawrī membenarkan pada saat pergi sahaja, tidak membenarkan pada saat kembali pulang. Manakala Ibrāhīm al-Nukh‘ī dan al-Ḥasan membenarkan perbelanjaan hidup *muḍārib* dengan menggunakan harta *muḍārabah* secara mutlaq.<sup>73</sup>

## 5. Syarat *al-‘Amal* (Kerja)

Sebahagian *fuqahā’* mensyaratkan bahawa tempoh masa kerja tidaklah diberi had. Seperti setahun, kerana adanya kemungkinan tidak tercapainya maksud daripada perkongsian iaitu perolehan untung. Syarat ini hanya terdapat dalam mazhab Maliki dan Shafi‘i.<sup>74</sup>

Al-Imām al-Nawawī mensyaratkan agar bentuk kerja tidak boleh dibatasi dengan ketentuan-ketentuan tertentu.<sup>75</sup> Seperti membeli barang tertentu atau bertransaksi dengan orang tertentu, kerana barang tertentu boleh jadi tidak menguntungkan dan orang tertentu boleh jadi tidak bermuamalah dengan baik sehingga tidak menghasilkan untung. Ini merupakan pendapat mazhab Shafi‘i dan Maliki. Manakala mazhab Hanafi membenarkan pembatasan bentuk kerja dengan ketentuan-ketentuan tertentu.<sup>76</sup>

---

Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004, cet. ke-4), 5:3957. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 22.

<sup>72</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:178.

<sup>73</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1840. Ibn al-Jallāb al-Baṣṭī, *Al-Tafrī*, 2:194.

<sup>74</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:178. Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 145-146. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:202. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:402.

<sup>75</sup> Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:201.

<sup>76</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. ‘Abd al-Wahhāb Ḥawās, 153-156. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1836.

*Fuqahā'* Shafi'i mensyaratkan bahawa kegiatan yang boleh dilakukan dengan modal *muḍārabah* terbatas kepada aktiviti perniagaan sahaja.<sup>77</sup> Namun, al-Imām Mālik mengharuskan *muḍārabah* dalam bidang perniagaan dan pertanian, bahkan Muḥammad Bin al-Ḥasan daripada mazhab Hanafi<sup>78</sup> dan riwayat daripada al-Imām Aḥmad<sup>79</sup> mengharuskan *muḍārabah* dilakukan dalam pelbagai bidang ekonomi meliputi bidang perniagaan, pertanian dan pembuatan barangan.

Majoriti *fuqahā'* telah mensyaratkan supaya segala bentuk usaha hanyalah dilakukan oleh *muḍārib* tanpa disertai pemilik modal. Oleh itu, mengikut pandangan majoriti *fuqahā'* tidak dibenarkan bagi pemodal mensyaratkan supaya menyertai dalam usaha *muḍārib*.<sup>80</sup> Manakala salah satu riwayat daripada mazhab Hanbali membenarkan bagi pemodal mensyaratkan supaya menyertai dalam usaha *muḍārib*.<sup>81</sup> Begitu juga Abū Yaḥyā al-Balkhī ikut membenarkannya, berasaskan konsep tolong-menolong.<sup>82</sup> Bahkan Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī telah memperjelas dalam *al-mughnī* mengenai keharusan usaha yang dilakukan oleh kedua pihak yang berkontrak (*muḍārib* dan *ṣāhib al-māl*) walaupun modal hanya berasal daripada salah satu pihak sahaja (*ṣāhib al-māl*).<sup>83</sup>

#### **2.2.6. Status Muḍārabah Dalam Muamalah Kehartaan**

Meskipun para ulama telah bersepakat mengenai keharusan akad *muḍārabah* untuk digunakan dalam bermuamalah, namun mereka berselisih mengenai kedudukan *muḍārabah* dalam muamalah kehartaan dan pengklasifikasiannya di antara akad-akad transaksi yang lain. Apakah ia dikategorikan di dalam kategori kontrak *mu'āwadah*

---

<sup>77</sup> Al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn*, 4:200.

<sup>78</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:31.

<sup>79</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:151.

<sup>80</sup> Burhān al-Dīn Abū Bakr 'Alī Bin Abī Bakr Bin 'Abd al-Jalīl al-Rushdānī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, 9:62-63.

<sup>81</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 21.

<sup>82</sup> Al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn*, 4:199.

<sup>83</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:136.

(kontrak pertukaran) seperti *ijārah* atau ia dikategorikan di dalam kategori syarikat?. Dari perselisihan ini menghasilkan dua mazhab yang memiliki pendapat yang berbeza.

Golongan pertama, iaitu mazhab majoriti *fuqahā'* yang terdiri daripada mazhab Hanafi<sup>84</sup>, Maliki<sup>85</sup> dan Shafi'i<sup>86</sup>, di mana mereka mengkategorikan *muḍārabah* di dalam kategori akad *mu'āwadah* (kontrak pertukaran) seperti *ijārah* (kontrak upah kerja). Hujah mereka ialah kerana *muḍārib* bekerja untuk *ṣāhib al-māl* dengan mendapat upah dalam bentuk agihan keuntungan yang ditentukan kadar untuknya, sebagaimana yang disepakati bersama dalam syarat kontrak. Namun menurut mereka, pensyariatan *muḍārabah* merupakan pengecualian dari kaedah syariah yang telah ditetapkan pada akad *ijārah*.<sup>87</sup>

Pada hakikatnya, jika mengikut kaedah syariah yang ditetapkan pada akad *ijārah* maka akad *muḍārabah* tidaklah diharuskan, kerana mereka melihat bahawa pengusaha tidaklah mengetahui upah untuknya, disebabkan pengusaha tidak tahu berapa jumlah keuntungan yang akan diperolehnya, sedangkan dalam syarat *ijārah* semestinya upah dan usaha harus diketahui ketika akad dibuat. Oleh itu, bagi mereka akad *muḍārabah* disyariatkan sebagai bentuk pengecualian dari kaedah syariah yang ditetapkan pada

---

<sup>84</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:4. Namun, jika melihat dari definisi yang diberikan oleh *fuqahā'* Hanafi, di mana mereka mengatakan bahawa akad *muḍārabah* merupakan akad syarikat (kongsi) dalam keuntungan, nampaknya mereka mengkategorikan akad *muḍārabah* di dalam jenis syarikat, kerana ia merupakan syarikat (perkongsian) dalam keuntungan, bukan dalam modal. Definisi yang menunjukkan bahawa akad *muḍārabah* merupakan akad syarikat (perkongsian) dalam keuntungan, dapat dirujuk melalui buku-buku *fuqahā'* Hanafi berikut: Al-'Aynī, *Al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, 9:57. Al-Imām Abū al-Barakāt Hāfiẓ al-Dīn al-Nasfī, *Kanz al-Daqā'iq*, dicetak bersama Ibn Nujaym al-Maṣrī al-Ḥanāfī, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, ed. al-Shaykh Zakariyyā 'Umayrāt (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 7:448. Muḥammad Bin 'Abd Allāh Bin Aḥmad al-Ghazzī al-Ḥanāfī al-Tamartāshī, *Tanwīr al-Absār wa Jāmi' al-Biḥār*, dicetak bersama Muḥammad Bin 'Alī Bin Muḥammad Bin 'Alī Bin 'Abd al-Raḥmān al-Ḥanāfī al-Ḥaṣkafī, *al-Durr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Absār*, ed. 'Abd al-Mun'im Khalīl Ibrāhīm (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 545.

<sup>85</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1829.

<sup>86</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:399.

<sup>87</sup> Ibrāhīm Jāsīm Jabbār al-Yāsiri, "Ishkaliyyāt Taṭbīq 'Aqd al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah" (Tesis Master Ilmu EKonomi, Fakulti Manajemen dan Ekonomi Universiti Kuffah, 2009), 27. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Kaherah: *al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī*, 2000), 29. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 114-115.

akad *ijārah*, bagi memenuhi keperluan manusia yang memaksa untuk bermuamalah dengannya.<sup>88</sup>

Golongan kedua, iaitu mazhab Hanbali<sup>89</sup> yang mengkategorikan *muḍārabah* di dalam kategori syarikat (perkongasian) dan bukan termasuk dalam kategori akad *ijārah*. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa *muḍārabah* selari dengan pensyariatan kaedah syarikat, di mana kerja dan upah tidak diketahui semasa akad dimulakan.<sup>90</sup> Golongan kedua ini sependapat dengan kebanyakan *fuqahā'* semasa, namun mereka menganggap *muḍārabah* sebagai bentuk syarikat yang memiliki keistimewaan berbanding dengan jenis-jenis akad kongsi yang lain, di mana ianya memiliki hukum dan ciri khas yang tidak dimiliki oleh bentuk syarikat lainnya.<sup>91</sup>

### 2.2.7. Jenis-Jenis *Muḍārabah*

Mengikut kesepakatan yang terdapat di dalam kontrak kerja, akad *muḍārabah* dapat digolongkan menjadi dua jenis, iaitu<sup>92</sup> pertama, *muḍārabah muṭlaqah*, iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha tanpa terikat dengan jenis-jenis perniagaan, tempat dan masa tertentu serta tanpa terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan *muḍārib*.

Kedua, *muḍārabah muqayyadah*, iaitu kontrak *muḍārabah* di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha dengan jenis-jenis perniagaan, tempat dan masa tertentu serta tanpa terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan *muḍārib*. Akad *muḍārabah* seperti ini diharuskan oleh golongan mazhab

---

<sup>88</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1829. Ibrāhīm Jāsīm Jabbār al-Yāsiri, "Ishkaliyyāt Taṭbīq 'Aqd al-Muḍārabah, 27. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 29. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 114-115.

<sup>89</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:109. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:546 & 563.

<sup>90</sup> Ibrāhīm Jāsīm Jabbār al-Yāsiri, "Ishkaliyyāt Taṭbīq 'Aqd al-Muḍārabah, 28. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 30. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 115.

<sup>91</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 30.

<sup>92</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:28. Zayd Bin Muḥammad al-Rummānī, 'Aqd al-Muḍārabah fī al-Fiqh al-Islāmīwa Atharuhu, 39-40. Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 75-76.

Hanafi<sup>93</sup> dan Hanbali<sup>94</sup>, manakala mazhab Maliki dan Shafi'i tidak mengharuskannya kerana sebarang ikatan akan melenyapkan tujuan kontrak iaitu keuntungan. Pensyaratan ini juga akan menyempitkan liputan kerja pengusaha, di mana ianya akan menambah *gharār*.<sup>95</sup>

Menurut pandangan penulis, pendapat yang mengharuskan jenis *muḍārabah muqayyadah* lebih kuat berbanding pendapat yang melarangnya, hal ini memandangkan beberapa alasan. Pertama, pendapat yang membenarkan *muḍārabah muqayyadah* tidak bercanggah dengan dalil syarak yang sedia ada, ianya merupakan suatu pandangan dan bentuk ijtihad yang dibenarkan. Kedua, wujudnya ikatan-ikatan (*quyūd*) ini tidak menyebabkan terjadinya sebarang perkara-perkara buruk yang diharamkan oleh syarak. Ketiga, bahawa syariat Islam telah memerintahkan penganutnya untuk memenuhi ketentuan-ketentuan akad yang telah dibuat, sebagaimana firman Allah SWT.:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Al-Mā'idah 05:01

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu<sup>96</sup>.

Keempat, bahawa hukum asal daripada syarat-syarat (*al-shurūṭ*) adalah iltizam bagi memenuhinya selagi ianya tidak menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam*:

(... والمسلمون على شروطهم، إلا شرطاً حرم حلالاً، أو أحل حراماً).

Bermaksud: Orang Islam terikat dengan syarat-syarat mereka, kecuali syarat yang mengharamkan yang halal, atau menghalalkan yang haram.<sup>97</sup>

<sup>93</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:28 & 50-51.

<sup>94</sup> Al-Bahūti, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:569.

<sup>95</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. 'Abd al-Wahhāb Ḥawās, 153-156. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1836.

<sup>96</sup> Akad (perjanjian) mencakupi tentang janji taat setia manusia kepada Allah dan perjanjian yang dibuat oleh manusia di dalam pergaulan sesamanya.

<sup>97</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī, *Kitāb al-aḥkām*, Bāb 17, no. hadith 1352. Lihat: Abū 'Īsā Muḥammad Bin 'Īsā Bin Sawrah, *Sunān al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādūh, 1968, cet. ke-2) 3:625. Zayd Muḥammad al-Rummānī, "*Aqd al-Muḍārabah fī al-*

### **2.2.8. Jenis Hubungan Antara Pihak Yang Berkontrak Dalam *Muḍārabah***

Dalam fiqh muamalat, perbincangan mengenai hubungan antara pihak yang berkontrak dalam akad *muḍārabah*, didapati berlaku dalam dua jenis, iaitu<sup>98</sup> pertama, akad *muḍārabah* dua pihak (dinamakan dengan *muḍārabah thunā'iyah*<sup>99</sup> atau *muḍārabah khāṣṣah*), di mana kontrak ini berlaku antara pemilik modal di salah satu pihak dan pengusaha di satu pihak yang lain.

Kedua, akad *muḍārabah* yang lebih dari dua pihak (dinamakan dengan *muḍārabah thulāthiyyah*, *muḍārabah* tiga penjuror atau *muḍārabah* semula), di mana terdapat tiga pihak yang terlibat dalam kontrak berkenaan. Pihak pertama ialah pemilik modal, pihak kedua ialah *muḍārib* pertama yang mengambil modal daripada pemiliknya dan membuat persetujuan dengan pemilik modal mengenai syarat-syarat kontrak berkenaan. Manakala pihak ketiga ialah *muḍārib* kedua iaitu orang yang menerima modal daripada *muḍārib* pertama dan menjalankan kerja-kerja urusan modal berkenaan. *Muḍārib* kedua ini terikat dengan syarat-syarat kontrak yang ditentukan oleh *muḍārib* pertama.<sup>100</sup>

### **2.2.9. Bidang Pekerjaan Yang Boleh Dibiayai Dengan Modal *Muḍārabah***

Pada masa perkembangan fiqh muamalah, perbincangan yang berkenaan dengan bidang kerja yang boleh dilakukan oleh *muḍārib* dalam memanfaatkan modal *muḍārabah* lebih banyak tertumpu pada bidang perniagaan iaitu berkaitan jual beli barangan sahaja. Namun walaubagaimanapun, bukanlah bererti ulama telah bersepakat bahawa aktiviti

---

*Fiqh al-Islāmī wa Madā Taṭbīq Ahkāmih fī al-Maṣārif wa Buyūt al-Islāmiyyah*, " *Journal of Shari'a and Islamic Studies*, Volume 12, no. 37 (Dhulhijjah 1419/ April 1999, 207-283), 240.

<sup>98</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 131.

<sup>99</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 7.

<sup>100</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 131.



ekonomi yang boleh dilakukan dengan prinsip *muḍārabah* hanya terhad kepada kegiatan perniagaan sahaja.<sup>101</sup>

Jawapan yang cukup tepat untuk memberikan alasan, mengapa perbincangan fiqh muamalat yang berkaitan dengan *muḍārabah* lebih banyak tertumpu kepada aktiviti perniagaan, iaitu kerana sebenarnya aktiviti ekonomi orang arab lebih tertumpu kepada aktiviti perniagaan berbanding dengan aktiviti pertanian dan pembuatan barangan atau perkilangan. Oleh itu, merupakan suatu yang sesuai apabila *muḍārabah* lebih dikenali oleh bangsa Arab dalam perniagaan jual beli barangan berbanding dengan aktiviti pertanian dan pembuatan barangan atau perkilangan.<sup>102</sup> Apabila kita merujuk kembali makna daripada perkataan *muḍārabah* maka kita akan mendapatkan bahawa erti *muḍārabah* itu bermaksud berjalan atau bermusafir<sup>103</sup>, di mana makna tersebut lebih sesuai untuk aktiviti pertukaran barangan dan perniagaan jual beli sahaja.<sup>104</sup>

Pendapat para *fuqahā'* empat mazhab tentang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh *muḍārib* dengan menggunakan modal *muḍārabah* terbahagi menjadi dua golongan. Golongan pertama, iaitu golongan yang dipelopori oleh mazhab Shafi'i<sup>105</sup>. Mereka tidak membenarkan penggunaan modal *muḍārabah* untuk aktiviti ekonomi selain dalam bentuk perniagaan jual beli sahaja. Mereka juga tidak mengharuskan modal tersebut dibuat pelaburan di dalam bidang perusahaan pertukangan, pembuatan dan pertanian.

Mereka berhujah bahawa *muḍārabah* merupakan suatu *rukhsah* (keringanan) di mana ia berlaku dalam bentuk yang menyalahi kaedah syariah (*khilāf al-qiyās*) pada akad *ijārah*, kerana *muḍārabah* merupakan penyewaan ke atas kerja yang tidak pasti dapat diketahui dan dengan keuntungan yang tidak pasti dapat diperolehi. Oleh itu,

---

<sup>101</sup> *Ibid.*, 146.

<sup>102</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 24.

<sup>103</sup> Ibn Mandhūr, *Lisān al-'Arab*, ed. ke-6 (Beirut: Dār Ṣādir, 2008), 9:26.

<sup>104</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 146.

<sup>105</sup> Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 4:200.

*rukhsah* tersebut hanya terhad pada aktiviti perniagaan (jual beli) sahaja, kerana perniagaan bukan jenis kerja yang boleh diupah (*ghayr madbūṭ*). Hal ini berbeza dengan aktiviti pertanian dan pembuatan barangan, di mana ianya merupakan jenis kerja yang boleh diupah (*madbūṭ*), maka tidak memerlukan lagi akad *muḍārabah*.<sup>106</sup>

Golongan kedua, iaitu golongan yang terdiri daripada mazhab Hanafi<sup>107</sup>, Maliki<sup>108</sup> dan Hanbali<sup>109</sup>. Mereka tidak menghadkan penggunaan modal *muḍārabah* untuk membiayai aktiviti perniagaan dengan menjual dan membeli secara langsung sahaja. Mereka membenarkan penggunaan modal *muḍārabah* dalam pelbagai bidang ekonomi yang berkemungkinan boleh memperolehi keuntungan.

#### **2.2.10. Muḍārib Melakukan Kontrak Muḍārabah Kedua Kepada Pihak Ketiga Dengan Menggunakan Harta Muḍārabah Pertama**

Mazhab Hanafi<sup>110</sup>, Maliki<sup>111</sup> dan Hanbali<sup>112</sup> membenarkan *muḍārib* melakukan kontrak *muḍārabah* kedua kepada pihak ketiga dengan menggunakan harta *muḍārabah* pertama apabila pemilik modal mengizinkan. Manakala pendapat yang paling tepat (*al-aṣaḥḥ*) daripada mazhab Shafi'i tidak membenarkannya secara mutlak, walaupun dengan keizinan pemilik modal.<sup>113</sup> Ini bermakna para *fuqahā'* bersepakat untuk tidak membenarkan *muḍārib* melakukan kontrak *muḍārabah* kedua kepada orang ketiga dengan menggunakan harta *muḍārabah* pertama tanpa keizinan daripada pemilik modal.<sup>114</sup>

---

<sup>106</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 415.

<sup>107</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:31.

<sup>108</sup> Ibn Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtaḍathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, 3:655.

<sup>109</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:116,117&151.

<sup>110</sup> Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:453. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:45.

<sup>111</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 152.

<sup>112</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:156&158.

<sup>113</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:405.

<sup>114</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 417-418. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:156. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:349.

Antara sebab *fuqahā'* tidak membenarkan *muḍārib* menyerahkan modal *muḍārabah* kepada pihak ketiga tanpa keizinan daripada pemilik modal, kerana akad *muḍārabah* mengandungi amanah dan *wakālah*, di mana pihak pemegang amanah atau pihak perwakilan tidak boleh menyerahkannya kepada orang lain tanpa keizinan daripada pemberi amanah atau orang yang mewakilkan.<sup>115</sup> Manakala majoriti *fuqahā'* membenarkannya jika telah mendapatkan izin daripada pemodal, sebagaimana dibenarkannya pihak pemodal menyerahkan modalnya kepada dua pengusaha sekali pada permulaan akad.<sup>116</sup>

Manakala alasan mazhab Shafi'i untuk tidak membenarkan *muḍārib* menyerahkan modal *muḍārabah* kepada pihak ketiga secara mutlak, kerana pensyariatan *muḍārabah* merupakan pengecualian daripada kaedah syariah (*khilāf al-qiyās*), di mana konsep asal *muḍārabah* iaitu salah satu pihak yang berkontrak berperanan sebagai pemodal tanpa penyertaan tenaga dan pihak lainnya berperanan sebagai pengusaha (meskipun lebih daripada seorang) tanpa penyertaan harta, maka tidaklah dibenarkan pihak pengusaha menyerahkan modal kepada pihak ketiga dengan akad *muḍārabah*, kerana secara hakikatnya, kedua-dua pihak yang berkontrak merupakan pihak yang sama-sama berperanan sebagai pengusaha.<sup>117</sup>

### **2.2.11. *Ḍamān* (Jaminan Ganti Rugi) Dalam *Muḍārabah* Untuk Menjaga Keselamatan Modal Kepada *Ṣaḥib al-Māl***

Permasalahan *Ḍamān* (jaminan) dalam *muḍārabah* pada hari ini merupakan hal yang sangat penting untuk dikaji, kerana terdapat institusi kewangan Islam khususnya bank syariah, yang telah menetapkan syarat jaminan atau memberikan jaminan dalam mengaplikasikan akad *muḍārabah*, dengan alasan supaya mengelakkan *moral hazard*

---

<sup>115</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 418.

<sup>116</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:405.

<sup>117</sup> *Ibid.*

pada produk pembiayaan atau menggalakkan para pelanggan supaya berminat menyimpan wang mereka pada produk pengumpulan dana di bank syariah, sehingga bank syariah mampu bersaing dengan bank konvensional. Hal ini, kerana bank konvensional memiliki kelebihan berbanding bank syariah, di mana ianya menjamin keselamatan wang simpanan para pelanggannya dan menjamin pulangan tetap kepada para pendeposit dalam bentuk faedah.

Perbincangan ke atas isu jaminan dalam akad *muḍārabah*, penulis membahagikan kepada dua perbincangan, iaitu pertama, perbincangan mengenai *ḍamān* (jaminan ganti rugi) dalam *muḍārabah* yang dilakukan oleh pihak *muḍārib*. Kedua, perbincangan mengenai *ḍamān* (jaminan ganti rugi) dalam *muḍārabah* yang dilakukan oleh pihak ketiga.

#### **2.2.11.1. Ḍamān (Jaminan Ganti Rugi) Pihak Muḍārib Dalam Kontrak Muḍārabah**

Para *fuqahā'* telah bersepakat bahawa pada hakikatnya akad *muḍārabah* merupakan kategori akad amanah (*'uqūd al-amānah*) seperti akad *al-wakālah* dan *al-waḍī'ah*, oleh itu *muḍārib* adalah pihak yang dianggap sebagai pemegang amanah berupa modal *muḍārabah*, di mana ianya tidak dibebani untuk menanggung risiko yang terjadi pada modal akibat kerosakan, kemusnahan atau kerugian selama hal tersebut bukan disebabkan oleh *muḍārib*. Tetapi yang menanggung risiko-risiko tersebut iaitu pihak *ṣāhib al-māl*.<sup>118</sup>

Oleh itu, apabila *ṣāhib al-māl* mensyaratkan kepada *muḍārib* supaya menanggung risiko kerugian, kerosakan atau kemusnahan kepada modal *muḍārabah*, maka syarat tersebut mengikut mazhab majoriti *fuqahā'* (Mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali) tidak sah kerana ianya melanggar maksud dan tujuan daripada akad

<sup>118</sup> Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, 2:194. Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī, *Al-Kāfī*, 3:357. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Ḥudūd*, 3:564 & 566. Al-Imām al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār*, 587. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 126 & 420.

*muḍārabah*, maka syarat tersebut merupakan syarat yang *fāsid* (rosak) dan tidak dikira, serta *muḍārib* tidaklah menanggung risiko kerugian jika ianya benar terjadi.<sup>119</sup> Kerana syarat *ḍamān* ke atas *muḍārib* menjadikan modal yang dipegang olehnya menjadi harta pinjaman berupa hutang (*qarḍan*), serta adanya kadar keuntungan yang diperuntukkan untuk *ṣāhib al-māl* menjadikannya suatu pinjaman yang menghasilkan manfaat (faedah *ribawiyyah*).

Meskipun majoriti *fuqahā'* bersepakat mengenai kerosakan syarat tersebut dan syarat ini tidak dikira, tapi mereka berselisih mengenai kesannya ke atas akad *muḍārabah*, apakah kerosakan syarat ini menyebabkan kerosakan juga pada akad *muḍārabah*?. Mazhab pertama (mazhab Maliki<sup>120</sup>, Shafi'i<sup>121</sup> dan satu riwayat daripada al-Imām Aḥmad<sup>122</sup>) berpendapat bahawa akad *muḍārabah* juga menjadi *fāsid* (rosak) disebabkan kerosakan pada syarat tersebut. Al-Imām al-Mālik berhujah bahawa pensyaratan jaminan akan menambah *gharar* kepada akad *qirāḍ*.<sup>123</sup> Manakala mazhab kedua (mazhab Hanafi<sup>124</sup> dan pandangan *mu'tamad* daripada mazhab Hanbali<sup>125</sup>) berpendapat bahawa akad *muḍārabah* tetap sah walaupun terdapat syarat yang *fāsid* (rosak), selagi ianya tidak menyebabkan keuntungan menjadi tidak jelas. Syarat tersebut gugur dan akad *muḍārabah* tetap kekal, kerana meskipun syarat tersebut merupakan syarat yang rosak, tetapi ianya tidak memberi kesan kepada ketidakjelasan keuntungan *muḍārabah*, oleh itu akad *muḍārabah* tersebut tidak terbatal (*bāṭil*).<sup>126</sup> Golongan kedua

---

<sup>119</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1835-1836. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, 2:194. Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī, *Al-Kāfī*, 3:345. Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Muḥammad Bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣrī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwad dan 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maujūd (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 7:332. Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:449. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:566.

<sup>120</sup> Al-Imām Abū 'Abd Allāh Muḥammad Bin Muḥammad al-Ḥaṭṭāb al-Mālikī, *Tahrīr al-Kalām fī Masā'il al-Iltizām*, ed. 'Abd al-Salām Muḥammad al-Sharīf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1984), 399. Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1835.

<sup>121</sup> Al-Māwardī al-Baṣrī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, 7:332.

<sup>122</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:176,179&180.

<sup>123</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1835.

<sup>124</sup> Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:449. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:7.

<sup>125</sup> Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:559 & 560. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:345. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:176, 179&180.

<sup>126</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:24-25. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:559 & 560.

ini merupakan mazhab *fuqahā'* Hanafi dan sebahagian Hanbali, di mana ianya juga telah *ditarjih*kan (diperkuatkan) oleh Ṣalāḥ al-Ṣāwī.<sup>127</sup>

Majoriti *fuqahā'*<sup>128</sup> (iaitu mazhab Hanafi<sup>129</sup>, Maliki<sup>130</sup>, Shafi'i<sup>131</sup>, Hanbali<sup>132</sup> dan al-Shawkānī<sup>133</sup>) juga telah bersepakat bahawa pihak *muḍārib* mesti menanggung segala risiko yang terjadi pada modal apabila hal tersebut disebabkan oleh pihaknya. Ada tiga sebab di mana *muḍārib* mesti mengganti kerugian modal *muḍārabah*, iaitu disebabkan kecuaiian kerja (*al-taqṣīr*), melampaui batas dengan melakukan kerja-kerja yang tidak dibenarkan dalam kontrak (*al-ta'addī*) dan melanggar syarat-syarat kontrak (*mukhālifat al-shurūt*).<sup>134</sup>

Meskipun majoriti *fuqahā'* telah bersepakat bahawa apabila pihak *muḍārib* melakukan kecuaiian (*al-taqṣīr*), melampaui batas dengan melakukan kerja-kerja yang tidak dibenarkan dalam kontrak (*al-ta'addī*) dan melanggar syarat-syarat kontrak (*mukhālifat al-shurūt*) maka ia mesti menanggung segala risiko yang akan terjadi pada modal, namun para *fuqahā'* berselisih mengenai status hukum keuntungan yang diperoleh, jika ada.

Mazhab Hanbali berpendapat bahawa keuntungan seluruhnya untuk pemodal tanpa ada bahagian untuk pengusaha kerana ianya dianggap *ghāṣib* harta pemodal, maka modal dan seluruh keuntungannya mesti diserahkan ke pemodal tanpa ada hak untuk pihak pengusaha kerana perbuatannya yang dianggap *mengghāṣab* (menyalah guna), di

---

<sup>127</sup> Ṣalāḥ al-Ṣāwī, *Al-Muḍārabah wa Taḥbīqātuha fī al-Istithmārāt al-Jamā'iyah*, Majma' Fuqahā' al-Sharī'ah bi Amrikā; Daurat al-Istithmār fī al-Islām (Mei 2005), 9.

<sup>128</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:162.

<sup>129</sup> Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, 7:449.

<sup>130</sup> Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafri'*, 2:194.

<sup>131</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:162.

<sup>132</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfi*, 3:350.

<sup>133</sup> Al-Imām al-Shaykh Muḥammad Bin 'Alī al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2004), 587.

<sup>134</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 127 & 420.

mana ianya melakukan perkara tanpa keizinan daripada pihak pemodal.<sup>135</sup> Manakala mazhab Hanafi berpendapat bahawa keuntungan seluruhnya untuk pengusaha kerana ia telah menjamin risiko kerugian modal.<sup>136</sup> Sedangkan mazhab Maliki dan Shafi'i berpendapat bahawa keuntungan dibahagikan di antara pemodal dan pengusaha mengikut persyaratan yang disepakati oleh mereka, meskipun pengusaha telah melampaui batas dengan melakukan kerja-kerja yang tidak dibenarkan dalam kontrak (*al-ta'addi*).<sup>137</sup>

Terdapat permasalahan lain, di mana jika pengusaha menjamin risiko kerugian modal *muḍārabah* secara sukarela, bukan kerana pihak pemodal mensyaratkannya kepada pengusaha ketika akad dibuat. Apakah hukum permasalahan ini?. Perbahasan ini hanya terdapat dalam mazhab Maliki dan sebuah pendapat yang dikemukakan oleh al-Shawkānī. Dalam kes ini, *fuqahā'* Maliki<sup>138</sup> memiliki pandangan yang berbeza antara mereka, di mana ianya terbahagi kepada dua pendapat. Pertama, iaitu pendapat sebahagian daripada mereka, yang berpendapat bahawa *muḍārabah* menjadi rosak (*fāsīd*), kerana perbuatan sukarela daripada pihak pengusaha untuk menjamin risiko kerugian modal adalah menyerupai hadiah yang diberikan kepada pemodal, yang mana tidak dibenarkan bagi pemodal menerima hadiah daripada pengusaha kerana dikhuatiri ada kehendak khusus pengusaha dalam akad *muḍārabah* ini untuk memperoleh manfaat yang dikhususkan untuknya dan untuk memperoleh tambahan keuntungan daripada

---

<sup>135</sup> Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 5:1737. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:350. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:564-565. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:162.

<sup>136</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:27.

<sup>137</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:162. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 420-421.

<sup>138</sup> Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, ed. al-Shaykh Zakariyyā 'Umayrāt (Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, tt), 7:447. Abū al-'Abbās Aḥmad Bin Yaḥyā al-Wansharīsī, *Al-Mi'yār al-Mu'rib* (Maghribi: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah bi al-Mamlakah al-Maghribiyyah, 1981), 8:216. Muḥammad Bin Aḥmad 'Arafah al-Dusūqī al-Mālikī, *Ḥāshiyyat al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, dicetak bersama Al-Shaykh Abū al-Barakāt Sayyidī Aḥmad al-Dardīr al-'Adawī, *Al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996) 5:284.

yang disepakati pada awal akad.<sup>139</sup> Pendapat ini disepakati oleh Ibn Sahl daripada *fuqahā'* Maliki.<sup>140</sup>

Manakala pendapat kedua daripada mereka membenarkan perbuatan sukarela pengusaha dalam menjamin modal *muḍārabah*, dan akad *muḍārabah* tersebut juga tetap sah. Mereka berdalil dengan menqiyaskan kebenaran *al-wadī'* dalam menjamin apa yang diserahkan kepadanya secara sukarela ketika mana kerelaan tersebut sesudah akad *al-wadī'ah* sempurna dilakukan, meskipun pada asalnya apa yang diserahkan kepadanya merupakan sebuah amanah, di mana pemegang amanah tidaklah dibebani untuk menjamin apa yang telah diamanahi kepadanya. Begitu juga *muḍārib* dibenarkan untuk menjamin modal *muḍārabah* secara sukarela sesudah akad *muḍārabah* sempurna dilakukan, meskipun pada asalnya apa yang diberikan kepadanya merupakan sebuah amanah.<sup>141</sup> Pendapat kedua ini disepakati oleh Ibn 'Itāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā'* Maliki<sup>142</sup>, dan al-Shawkānī, yang mana dalam membenarkan pandangannya al-Shawkānī memberikan hujahnya dengan menggunakan dalil syarak yang umum iaitu wujud keredaan daripada pihak yang berkenaan.<sup>143</sup>

#### **2.2.11.2. *Ḍamān* (Jaminan Ganti Rugi) Pihak Ketiga Dalam Kontrak *Muḍārabah***

Daripada definisi yang diberikan pihak ketiga kepada pihak pelabur dan pengusaha adalah satu pihak lain yang bukan pengusaha dan juga bukan pelabur, tetapi mempunyai kepentingan secara tidak langsung kepada kontrak dimeterai oleh kedua pihak tadi.<sup>144</sup>

---

<sup>139</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 422.

<sup>140</sup> Al-Imām Abū 'Abd Allāh Muḥammad Bin Muḥammad al-Tāwudī, *Ḥulā al-Mu'āṣim li Fikr Ibn 'Āṣim: Sharḥ Arjūzah Tuḥfat al-Ḥukkām*, dicetak bersama Abū al-Ḥasan 'Alī Bin 'Abd al-Salām al-Tusūlī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*, ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir Shāhīn (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 2:358. Al-Ḥaṭṭāb al-Ra'īnī, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, 7:447.

<sup>141</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 422.

<sup>142</sup> Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, 7:447. Al-Wansharīsī, *Al-Mi'yār al-Mu'rib*, 8:216.

<sup>143</sup> Al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār*, 587.

<sup>144</sup> Aznan Hassan dan Zaharuddin Abdul Rahman, "Mushārah dan Muḍārabah: Isu Jaminan Perlindungan Modal Dan Pengukuhan Kredit" (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 5, Phuket, Thailand, 14-15 September 2011), 36.



Mengikuti penyelidikan penulis, tidak didapati daripada mana-mana karya ulama silam yang membahas perbahasan yang berkaitan langsung dengan *ḍamān* (jaminan ganti rugi) pihak ketiga dalam kontrak *muḍārabah*. Namun begitu, perbahasan ini sudah dibahas dan dikaji oleh ulama semasa dalam muktamar *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* di Jeddah pada tahun 1988.<sup>145</sup>

Keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* dalam resolusi 30 (4/5) tentang bon *muqāraḍah* (*muḍārabah*) dan bon pelaburan yang diadakan di Jeddah pada tahun 1988 telah membenarkan *ḍamān* yang dilakukan oleh pihak ketiga ke atas modal *muḍārabah*, namun kebenaran tersebut mesti mengandungi beberapa syarat, antaranya, komitmen ini mesti terpisah daripada akad *muḍārabah*, ini bermaksud bahawa pelaksanaan dalam memenuhi komitmen tersebut tidaklah menjadi syarat dalam termeterainya akad *muḍārabah*. Komitmen ini juga mesti bersifat sukarela, tanpa ada maksud untuk memperoleh pulangan atau keuntungan. Berikut ini merupakan salah satu keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* nombor 30 tentang bon *muqāraḍah* (*muḍārabah*) dan bon pelaburan:

ليس هناك ما يمنع شرعاً من النص في نشرة الإصدار أو صكوك المقارضة على وعد طرف ثالث منفصل في شخصيته وذمته المالية عن طرفي العقد بالتبرع بدون مقابل بمبلغ مخصص لجبر الخسران في مشروع معين، وعلى أن يكون التزاماً مستقلاً عن عقد المضاربة، بمعنى أن قيامه بالوفاء بالتزامه ليس شرطاً في نفاذ العقد وترتب أحكامه عليه بين أطرافه،...<sup>146</sup>

“Tiada larangan dari segi *naṣṣ* syarak dalam penerbitan bon *muqāraḍah* (*muḍārabah*) atas janji (jaminan) pihak ketiga, yang mana ianya berasingan entitinya serta tanggungannya dari kedua-dua belah pihak yang berkontrak yang dimeterai untuk menyumbang tanpa dikenakan upah dengan jumlah wang yang dikhususkan untuk menutupi kerugian projek tertentu, dan mestilah ia satu bentuk iltizam yang terasing dari kontrak *muḍārabah*, dalam erti kata bahawa

<sup>145</sup> *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, “*Al-Dawrah al-Rābi'ah*, Jeddah 6-11 Februari 1988, *Qārar Raqm 30 (3/4): Qārar bi Sha'ni Sanadāt al-Muqāraḍah wa Sanadāt al-Istithmār*”, dicapai 15 Julai 2013, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/4-5.htm>.

<sup>146</sup> *Ibid.*

pelaksanaan (jaminan) melalui iltizam itu bukanlah syarat *nafādh* (sempurna meterai) bagi kontrak dan tidaklah juga memberi kesan hukum ke atas akad di antara pihak-pihak yang berkontrak,..."

Daripada resolusi (persepakatan) yang dilakukan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* ini, dapat disimpulkan bahawa *damān* (jaminan ganti rugi) pihak ketiga dalam kontrak *muḍārabah* hukumnya harus, namun dengan mengambilkira beberapa syarat, iaitu<sup>147</sup> pertama, pihak ketiga bebas dan terasing dari kedua-dua pihak yang berakad. Maknanya, pihak ketiga mestilah bebas dari kepentingan yang berkaitan dengan projek dan kontrak *mudarabah* dari sudut undang-undang, serta tanggungan kewangan agar tiada syubhat kepada berlakunya jaminan pemilik perusahaan terhadap modal pelabur. Syarat kedua, tiada upah di atas jaminan yang diberi. Maknanya, tidak dibenarkan pihak ketiga yang menjamin menerima sebarang upah atau *fee* (yuran) atas jaminan yang diberikan.

Syarat ketiga adalah bersendirian atau terasingnya jaminan daripada kontrak *muḍārabah*. Ertinya, tidak boleh dijadikan jaminan ini sebagai tarikan, sokongan atau promosi bagi sesebuah pelaburan yang didasari oleh akad *muḍārabah*. Jaminan ini sama sekali tidak boleh dikaitkan dengan kontrak *muḍārabah* khususnya pada awal kontrak tersebut dimeterai. Selain itu, akad jaminan ini juga tidak boleh memberi kesan kepada kontrak *muḍārabah* yang dimeterai. Ertinya, pertama, pelabur tidak akan melabur tanpa jaminan, kedua, penjamin tidak boleh menarik diri dari jaminan, ketiga, penjamin tidak boleh menolak untuk menjamin apabila kerugian berlaku. Jika sekiranya salah satu atau ketiga-tiga ini wujud, maka jaminan pihak ketiga tidak dikira berasingan daripada pelaburan.

---

<sup>147</sup> Aznan Hassan dan Zaharuddin Abdul Rahman, "*Mushārah* dan *Muḍārabah*: Isu Jaminan Perlindungan Modal dan Pengukuhan Kredit" (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 5, Phuket, Thailand, 14-15 September 2011), 37.

Syarat keempat, jaminan ini tidak boleh dipindahkan kepada pengusaha atau dituntut dari pengusaha. Oleh itu, sekiranya pihak ketiga tiba-tiba gagal memenuhi jaminan atas apa jua sebab, jaminan ini tidak boleh dipindahkan kepada pengusaha. Pihak penjamin ketiga juga tidak dibenarkan untuk menuntut jumlah jaminan yang telah dibayarnya daripada pihak pengusaha. Syarat kelima, iltizam daripada pihak ketiga dan jaminannya bukanlah syarat *nafādh*. Ini bermaksud, pemeteraian kontrak pelaburan itu tidak dipengaruhi oleh wujud atau tidaknya jaminan daripada pihak ketiga. Malah jaminan itu hanya dianggap sebagai barang sampingan yang bukan inti di dalam pertimbangan semua pihak yang terlibat dalam pelaburan *muḍārabah* ini.

#### **2.2.12. Kesan Yang Boleh Dihasilkan Daripada Akad *Muḍārabah al-Fāsīdah***

Akad *muḍārabah* boleh dihukumkan sah apabila telah terpenuhi seluruh rukun dan syarat-syaratnya yang menyebabkan ianya boleh wujud dengan sempurna. Sedangkan jika salah satu daripada rukun dan syarat tersebut tidak terpenuhi atau terdapat syarat yang bercanggah dengan matlamat akad atau terdapat syarat yang menyebabkan ketidakjelasan keuntungan, maka akad *muḍārabah* ini menjadi rosak (*fāsīdah*). Lahir daripada perkara ini dua persoalan penting yang mesti dijawab, iaitu pertama, apakah yang berhak dimiliki oleh pengusaha (*muḍārib*) dalam kes akad *muḍārabah* yang telah rosak?. Kedua, apakah seorang pengusaha (*muḍārib*) wajib menjamin modal *muḍārabah* dalam kes akad *muḍārabah* yang telah rosak?.

Dalam kes yang pertama, iaitu apakah yang berhak dimiliki pengusaha (*muḍārib*) dalam kes akad *muḍārabah* yang telah rosak?, majoriti *fuqahā*<sup>148</sup> termasuk salah satu riwayat daripada al-Imām al-Mālik<sup>149</sup> berpendapat bahawa dalam akad

---

<sup>148</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:71. Al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn*, 4:205.

<sup>149</sup> Riwayat ini disampaikan oleh Ibn 'Abd al-Ḥakam dan/atau Ibn 'Abd al-Malik. Sila rujuk: Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafrī'*, 2:196-197.

*muḍārabah* yang telah rosak, pengusaha (*muḍārib*) berhak memiliki upah (*ajr*) *mithl*<sup>150</sup>, sedangkan keuntungan kesemuanya adalah milik pemodal. Manakala menurut satu riwayat lagi daripada al-Imām al-Mālik<sup>151</sup>, terdapat dua pendapat dalam kes ini. Pendapat pertama, pengusaha diberi ganjaran berupa *qirāḍ al-mithl*<sup>152</sup> dalam keuntungan. Manakala pendapat kedua, pengusaha diberi ganjaran berupa upah *mithl*.

Perbezaan antara upah *mithl* dan *qirāḍ al-mithl*, bahawa *qirāḍ al-mithl* diberikan kepada pengusaha jika perniagaan *muḍārabah* yang rosak itu mendapat keuntungan (*al-ribh*), jika tiada keuntungan diperolehi maka pengusaha tidak berhak mendapat apa-apa ganjaran daripada akad *muḍārabah* yang rosak. Manakala upah *mithl* menjadi suatu tanggungan pemodal, sama ada perniagaan *muḍārabah* itu mendapat untung atau tidak, pengusaha tetap berhak mendapat ganjaran.<sup>153</sup>

Manakala dalam kes yang kedua, iaitu apakah seorang pengusaha (*muḍārib*) wajib menjamin modal *muḍārabah* dalam kes akad *muḍārabah* yang telah rosak?, majoriti *fuqahā*<sup>154</sup> berpendapat bahawa dalam akad *muḍārabah* yang telah rosak, pengusaha (*muḍārib*) tidak menanggung kerugian yang boleh berlaku ke atas modal *muḍārabah*, yang mana ianya bukan kerana kecuaiian atau salah urus yang dilakukan oleh pihaknya. Sebagaimana kaedah akad berbunyi:<sup>155</sup>

إِنَّ كُلَّ عَقْدٍ لِأَضْمَانٍ فِي صَحِيحِهِ لَا ضَمَانَ فِي فَاسِدِهِ.

<sup>150</sup> Upah (*ajr*) dibahagi menjadi dua jenis, iaitu upah *mussammā* dan upah *mithl*. Upah *mussammā* adalah upah yang dinyatakan dan disepakati ketika akad dibuat. Manakala upah *mithl* adalah upah yang disetarakan mengikut bentuk kerja tertentu dan pekerja tertentu, atau mengikut bentuk kerja tertentu sahaja. Sila rujuk: Taqī al-Dīn al-Nabhānī, *Al-Shakhṣiyyah al-Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Ummah, 2003, cet. ke-6), 2:321.

<sup>151</sup> Riwayat ini disampaikan oleh Ibn al-Qāsim. Sila rujuk: Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafri*, 2:197.

<sup>152</sup> Ganjaran dalam bentuk *qirāḍ al-mithl* diberikan kepada pengusaha jika perniagaan *muḍārabah* yang rosak itu mendapat keuntungan. Nilai ganjaran yang diberi kepada pengusaha adalah berasaskan kadar agihan keuntungan yang diselaraskan dengan kadar agihan keuntungan pengusaha yang lain dalam bentuk akad *muḍārabah* yang sama.

<sup>153</sup> Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafri*, 2:197.

<sup>154</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i*, 8:71. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:345&350. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:561-562. Al-Imām al-Shawkānī, *Al-Sayl al-Jarrār al-Mutadaffiq 'alā Ḥadā'iq al-Azhār*, 587. Ibn al-Jallāb al-Baṣrī, *Al-Tafri*, 2:194. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:181.

<sup>155</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:345&350. Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, 3:561-562.

Bermaksud: Sesungguhnya setiap akad yang tidak dikenakan jaminan ketika ianya sah (*ṣaḥīḥ*), tidak dikenakan juga jaminan ketika ianya rosak (*fāsid*).

Manakala menurut Abū Yūsuf dan Muḥammad Bin al-Ḥasan bahawa pengusaha menanggung kerugian yang boleh berlaku ke atas modal pada akad *muḍārabah* yang telah rosak, kerana akad *muḍārabah* ini telah tamat disebabkan ianya telah rosak, sebagaimana dalam perkara *al-ajīr al-mushtarik*<sup>156</sup> apabila harta telah hilang daripada penjagaannya.<sup>157</sup>

### **2.2.13. Penyelesaian Pertikaian Dalam *Muḍārabah***

Apabila proses urusan perniagaan yang menggunakan akad *muḍārabah* telah dilakukan dan perakaunan telah dibuat, maka pihak pengusaha hendaklah mengembalikan modal yang telah ia gunakan dalam perniagaan tersebut, lalu setelah itu proses penamatan kontrak dilakukan. Namun, sebelum melakukan proses penamatan kontrak, kemungkinan terjadinya pertikaian boleh berlaku antara pihak pemberi modal dan pihak pengusaha mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kontrak yang telah dilaksanakan. Antara pertikaian yang mungkin boleh terjadi iaitu pertikaian mengenai kadar modal *muḍārabah* dan pertikaian mengenai kadar keuntungan yang diperoleh.

#### **2.2.13.1. Pertikaian Mengenai Kadar Modal *Muḍārabah***

Apabila terjadinya pertikaian antara pemodal dan pengusaha mengenai kadar atau jumlah modal *muḍārabah*, misalnya pemodal beranggapan bahawa wang yang digunakan dalam perniagaan sebanyak RM 2500, manakala pengusaha mengatakan bahawa wang yang digunakan dalam perniagaan *muḍārabah* sebanyak RM 2000,

---

<sup>156</sup> *al-ajīr al-mushtarik* iaitu orang yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan mendapatkan bayaran dalam bentuk upah atau sewa daripada orang ramai seperti tukang besi, tukang kayu, tukang kasut, peguam, doktor, pemilik kenderaan awam dan sebagainya. Sila rujuk: Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 181.

<sup>157</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:71. Shams al-Dīn al-Sharaksī al-Ḥanafī, *Kitāb al-Mabsūt*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1989), 22:22-23. Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 7:181.

manakala bakinya merupakan keuntungan yang diperoleh, maka perkataan yang diterima adalah perkataan pengusaha.<sup>158</sup> Hal ini kerana perselisihan di antara mereka mengenai apa yang diterima oleh pengusaha, maka perkataan yang diterima adalah perkataan yang menerimanya (*al-qābiḍ*) iaitu pengusaha, kerana dia lebih tahu apa yang diterima, dan kerana pengusaha adalah pihak yang didakwa di mana ianya juga merupakan pemegang amanah berasaskan kepercayaan, maka perkataan yang dianggap benar itu adalah perkataanya.<sup>159</sup>

### 2.2.13.2. Pertikaian Mengenai Penentuan Kadar Keuntungan

Apabila terjadinya pertikaian antara pemodal dan pengusaha mengenai penentuan kadar keuntungan *muḍārabah*, misalnya pemodal beranggapan bahawa ia telah mensyaratkan 1/3 untuk pengusaha dan selebihnya untuknya, manakala pengusaha mengatakan bahawa pemodal mensyaratkan 2/3 untuknya (pengusaha) dan selebihnya untuk pemodal, maka mengikut pandangan mazhab Syafi‘i kedua-dua pihak saling bersumpah,<sup>160</sup> dan membubarkan *muḍārabah* berkenaan. Sama seperti bersumpahnya dua orang yang terlibat dengan kontrak jual beli apabila mereka berselisih dalam hal yang berkaitan dengan harga barang. Apabila mereka telah bersumpah, maka semua keuntungan adalah untuk pemodal dan untuk pengusaha diberi upah *mithl*.<sup>161</sup> Manakala mazhab Hanafi berpendapat bahawa perkataan yang diterima iaitu perkataan pemodal beserta sumpahnya, hal ini kerana pemodal berada di pihak yang menolak dakwaan. Manakala pengusaha diminta memberi keterangan (bukti) berkaitan dengannya kerana haknya dalam keuntungan adalah berasaskan kepada kadar yang ditentukan dalam

---

<sup>158</sup> Al-Baghawī, *Al-Tahdhīb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 4:400. Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, ed. ‘Abd al-Wahhāb Ḥawās, 255. Ibn Rushd, *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān mā Iqtadathu al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, dicetak bersama al-Imām Mālik Bin Anas al-Aṣbaḥī, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, 3:661. Burhān al-Dīn Abū Bakr ‘Alī Bin Abī Bakr Bin ‘Abd al-Jalīl al-Rushdanī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, 9:126. Al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā’*, 5:1750. Ibn Nujaym, *Al-Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*, 7:448.

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> Al-Māwardī, *Al-Muḍārabah*, 254.

<sup>161</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:414.

syarat kontrak. Pengusaha menuntut bahagian yang lebih daripada apa yang disyaratkan kepadanya oleh pemodal. Namun jika kedua-duanya memberi keterangan (bukti), maka yang diterima adalah keterangan pengusaha bagi menetapkan pertambahan haknya.<sup>162</sup>

#### **2.2.14. Pembubaran *Muḍārabah***

##### **2.2.14.1. Pembubaran *Muḍārabah* Atas Kehendak Kedua-dua Pihak Yang Berkontrak**

Akad *muḍārabah* dikira tamat apabila pemodal dan pengusaha bersepakat untuk membubarkannya, kerana ini hak mereka berdua. Oleh itu, apabila keduanya berkehendak membubarkan kontrak berkenaan, dan pada ketika itu modal *muḍārabah* ada tanpa perolehan keuntungan, maka pemilik modal berhak mengambil kembali modalnya. Namun apabila ada keuntungan dalam urusan perniagaan, maka dibahagikan keuntungan tersebut kepada kedua-dua pihak yang berkontrak dengan penentuan yang telah disepakati bersama.<sup>163</sup>

##### **2.2.14.2. Pembubaran *Muḍārabah* Atas Kehendak Salah Satu Pihak Yang Berkontrak**

Majoriti *fuqahā'* berpendapat bahawa akad *muḍārabah* iaitu '*aqd al-jā'iz*' atau '*aqd ghayr lāzim*' (akad tidak mengikat), iaitu akad di mana salah satu pihak yang berkontrak boleh membubarkannya pada bila-bila masa, meskipun tanpa kehadiran dan keredaan pihak lainnya.<sup>164</sup> Hal ini bererti pemodal pada akad *muḍārabah* klasik mengikut mazhab majoriti *fuqahā'* boleh membubarkan kontrak dan mengambil kembali modalnya pada bila-bila masa.<sup>165</sup>

---

<sup>162</sup> Al-Sharaksī, *Kitāb al-Mabsūṭ*, 22:89.

<sup>163</sup> 'Abd Allāh Bin Ḥamd al-'Uthmān al-Khuwayṭir, *Al-Muḍārabah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 292.

<sup>164</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:411. Al-Baghawī, *Al-Tahdhīb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, 4:395. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfi*, 3:355. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:71.

<sup>165</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah*, 168.

Dalam kes pembubaran yang dikehendaki pemodal, para *fuqahā'* membezakan antara pembubaran akad *muḍārabah* sebelum pengusaha mengelola modal *muḍārabah* dengan sesudah pengusaha melakukan pengelolaan modal, di mana modal telah berubah menjadi barangan. Para *fuqahā'* membenarkan pemodal mengambil kembali modalnya apabila ianya masih berupa wang, di mana pengusaha belum memperniagakannya. Hal ini kerana pada asalnya akad *muḍārabah* ialah '*aqd ghayr lāzim* iaitu akad di mana salah satu pihak yang berkontrak boleh membubarkannya pada bila-bila masa.<sup>166</sup> Oleh itu, apabila pemodal mengambil kembali modalnya bererti ianya telah membubarkan akad *muḍārabah*, inilah yang disebut dengan "pembubaran atas kehendak salah satu pihak", di mana ianya merupakan salah satu cara menamatkan akad *muḍārabah*. Dalam pembubaran ini ianya tidak memberikan sebarang hak kepada pengusaha, kerana ia belum melakukan sebarang usaha, begitu juga tidak ada kesan merbahaya yang disebabkan oleh pembubaran ini.<sup>167</sup>

Manakala apabila pengusaha telah memulakan usahanya dengan menggunakan modal *muḍārabah* sehingga ianya telah berubah menjadi barangan, maka dalam kes ini majoriti *fuqahā'* (yakni selain mazhab Malik<sup>168</sup>) juga telah membenarkan pemodal mengambil kembali modalnya. Tetapi pembubaran *muḍārabah* dalam kes ini berbeza dengan kes sebelumnya, kerana adanya perubahan bentuk yang terjadi pada modal yang pada asalnya berupa wang kemudian berubah menjadi barangan, di mana ianya boleh mendatangkan keuntungan atau kerugian daripada pengelolaan modal tersebut.<sup>169</sup>

Pada kes ini, apabila terdapat keuntungan daripada hasil pengelolaan modal, kemudian kedua-dua pihak bersepakat untuk membahagikannya meskipun masih berupa barangan, atau bersepakat menjual barangan tersebut, di mana wang daripada hasil

---

<sup>166</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1838.

<sup>167</sup> Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 169.

<sup>168</sup> Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, 4:1839.

<sup>169</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:411. Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:355. Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:71. Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah*, 169.



penjualan tadi kemudian dibahagikan, maka kedua-dua pilihan ini diharuskan menurut mazhab Hanbali.<sup>170</sup> Manakala mengikut mazhab Hanafi bahawa pembubaran *muḍārabah* akan menjadi sah apabila modal *muḍārabah* dalam keadaan ianya berupa wang, bukannya berupa barangan. Jika ianya masih berupa barangan maka ianya mestilah dijual terlebih dahulu sehingga menghasilkan harta yang mudah dicairkan. Di mana dengan cara ini akan nampak adanya keuntungan yang telah diperoleh.<sup>171</sup>

Penamatan perkongsian dalam akad *muḍārabah* pada bila-bila masa merupakan hak mana-mana rakan kongsi. Di mana ianya akan menyebabkan perniagaan yang dijalankan perlu dibubarkan kerana tidak boleh memaksa seseorang meneruskan perkongsian ini. Berdasarkan realiti tersebut, banyak bank-bank Islam mengelak dari terdedah dengan risiko *muḍārabah* akibat penarikan diri pihak yang melabur pada bila-bila masa.<sup>172</sup> Namun, akhirnya keresahan dan permasalahan tersebut boleh diatasi melalui struktur yang ada dalam kontrak *muḍārabah* berdasarkan keputusan Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions (AAOIFI) dalam Standard Shariah 2010, Standard 13, klausa 4 yang menyebut bahawa pada asalnya akad *muḍārabah* adalah *ghayr lāzim* (akad tidak mengikat) dan setiap pihak yang berkontrak berhak menarik diri kecuali pada dua keadaan, iaitu:

1. *Muḍārib* telah memulakan kerja, maka *muḍārabah* menjadi *lāzim* (tidak boleh dibubarkan) sehingga berlakunya *al-tanḍīd* (pencairan) *al-ḥaqīqī*, atau *al-ḥukmī*<sup>173</sup>.

---

<sup>170</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*, 3:355.

<sup>171</sup> Al-Kāsānī, *Badā'ī 'al-Ṣanā'ī*, 8:71&78.

<sup>172</sup> Asmadi Mohamed Naim et al., "Laporan Awal Penyelidikan Isu-Isu Kecuaian (*Taqṣīr*) dan Pencerobohan (*Ta'ddī*): Jaminan dan Pengurusan Etika Dalam Produk *Muḍārabah* dan *Mushārahah*" (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 6, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 16-17 Mei 2012), 1-2.

<sup>173</sup> *Al-Tanḍīd al-ḥaqīqī (al-Fi'lī)* adalah penjualan aset (barangan) *muḍārabah* sehingga ianya bertukar menjadi wang tunai. Manakala *al-tanḍīd al-ḥukmī (al-I'tibārī)* adalah penilaian/penaksiran aset tersebut daripada berbentuk barangan untuk capaian kepada nilai tunai yang sebenar jika ianya dijual pada masa penilaian/penaksiran. Lihat: 'Abd al-Sattār Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu'āmalāt wa al-Asālib al-Maṣrāfiyyah al-Islāmiyyah, al-Juz' al-Thālith* (Jeddah: Majmū'ah Dallah al-Barakah (Shirkat al-Tawfiq), 2002), 54.

2. Sekira kedua-dua pihak bersetuju meletakkan tempoh masa kepada *muḍārabah* tersebut, maka tidak boleh menamatkannya sebelum tempohnya kecuali dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.<sup>174</sup>

### 2.2.14.3. Berakhirnya Masa Yang Ditetapkan Dalam *Muḍārabah* Bertempoh

Akad *muḍārabah* boleh berakhir dengan berakhirnya tempoh masa yang ditetapkan ketika akad dibuat, di mana ianya merupakan akad *muḍārabah* bertempoh (*mua'qqatah*) bagi mazhab yang membenarkannya, iaitu mazhab Hanafi<sup>175</sup> dan Hanbali. Hal ini kerana keizinan untuk berkontrak hanya berlaku pada tempoh masa yang disepakati sahaja, dan tidak berlaku selain daripada tempoh tersebut.

Berakhirnya akad *muḍārabah* tersebut dengan syarat jika modal *muḍārabah* pada ketika itu berbentuk wang tunai, bukan barangan perniagaan. Apabila modal *muḍārabah* itu masih dalam bentuk barangan perniagaan, maka akad *muḍārabah* dianggap masih berterusan, sekalipun sudah habis tempohnya sehingga *muḍārib* dapat menukarkan barangan itu kepada wang dan dengan itu ianya dapat diketahui jumlah sebenar harta *muḍārabah* iaitu modal beserta keuntungan jika ada. Pada ketika itu pemodal dapat mengambil kembali modal dan keuntungan yang layak untuknya mengikut syarat yang dipersetujui dalam kontrak. Begitu juga dengan *muḍārib*, berhak mengambil bahagiannya daripada keuntungan *muḍārabah* jika ada.<sup>176</sup>

## 2.3. Kesimpulan

*Muḍārabah* dalam fiqh muamalah merupakan salah satu bentuk transaksi yang dibenarkan oleh Islam, di mana ianya sudah wujud sekian lama sebelum kedatangan Islam. Namun para *fuqahā'* berselisih mengenai status *muḍārabah* dalam muamalah

---

<sup>174</sup> Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, *al-Ma'āyir al-Shar'īyyah 2010-1431* (Bahrain: Al-Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, 2010), 184.

<sup>175</sup> Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 8:53. Al-'Aynī, *Al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, 9:73-74.

<sup>176</sup> Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam*, 248-249.

kehartaan, sebahagian daripada mereka mengkategorikan ke dalam akad *mu'āwadhāt* dan sebahagian yang lain mengkategorikan ke dalam *sharikāt*. Walaubagaimanapun keharusan *muḍārabah* tidak dapat diperselisihkan oleh mana-mana *fuqahā'*, kerana ianya berasaskan dalil daripada empat sumber pengambilan hukum yang utama, iaitu al-Qur'an, hadith, *ijmā'* dan *qiyās*.

Beberapa pengertian telah diberikan oleh para *fuqahā'* ke atas makna *muḍārabah*, dapat disimpulkan bahawa *muḍārabah* merupakan akad perkongsian antara dua belah pihak atau lebih di mana salah satu pihak menyerahkan hartanya kepada pihak lain untuk diurusniagakan, dengan perkongsian keuntungan antara keduanya sesuai kesepakatan dan syarat yang disepakati bersama. Banyak penamaan yang diberikan kepada akad ini, iaitu *muḍārabah*, *muqāradah*, *muāmalah* dan *qirād*.

Syarat-syarat yang terdapat dalam rukun *muḍārabah* tidak semuanya disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab, kerana didalamnya masih terdapat beberapa perkara yang diperselisihkan oleh mereka. Antara perkara yang diperselisihkan oleh *fuqahā'* empat mazhab tersebut, iaitu, mengenai keharusan wang semasa untuk dijadikan modal perniagaan dengan kaedah *muḍārabah*, begitu juga mereka berselisih mengenai keharusan bertransaksi dengan kaedah *muḍārabah* dalam bidang selain perniagaan, seperti pertanian dan perkilangan. Namun begitu, masih ada syarat-syarat yang telah disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab.

Namun, di antara perselisihan para *fuqahā'* yang sedia ada berkaitan dengan akad *muḍārabah*, terdapat suatu isu yang menjadi perbincangan hangat di kalangan para *fuqahā'* sama ada *fuqahā'* terdahulu mahupun *fuqahā'* semasa, iaitu isu jaminan ganti rugi ke atas modal *muḍārabah*. Mereka masih lagi berselisih mengenai keharusan jaminan ganti rugi ke atas modal *muḍārabah*, yang mana ianya memerlukan kajian yang lebih mendalam lagi untuk membahas isu ini.